

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM

**SPM
2022**



**Disediakan oleh :
Mohd Fadhli Bin Che Kamarudin
SMK Pahi, Kuala Krai, Kelantan**

KANDUNGAN

TINGKATAN	TAJUK	Muka Surat
	BIDANG AL-QURAN	
TINGKATAN 4	Memahami Sunnatullah (Surah Ali Imran : 137 – 139)	3
	Larangan Mempersendakan Agama (Surah al-An'am : 70)	5
	Dakwah Pemacu Kemajuan (Surah al-Fussilat : 33)	6
TINGKATAN 5	Ciri-ciri Mukmin Berjaya	7
	Memahami Keutamaan Dalam Tindakan (Surah At-Taubah : Ayat 19 – 20)	9
	Kepelbagaian Bangsa Dalam Islam (Surah Al-Hujurat : Ayat 13)	11
	Hukum Tajwid : Mad Silah, Qalqalah Dan Mad Lazim, Ibtida'	13
	BIDANG HADIS	
TINGKATAN 4	Kemuliaan Berdikari	16
TINGKATAN 5	Tujuh Golongan Yang Mendapat Naungan Allah SWT	17
	BIDANG AKIDAH	
TINGKATAN 4	Perkara Yang Membatalkan Iman	20
TINGKATAN 5	Allah SWT Maha Mengawasi Dan Maha Menyaksikan	
	Unit 1 : Ar-Raqib	22
	Unit 2 : Asy-Syahid	22
	Aliran Syiah / Khawarij / Muktazilah	23
	BIDANG FEKAH	
TINGKATAN 4	Haji Dan Umrah	25
	(Rukun Haji Dan Umrah)	26
	(Perkara Wajib Haji Dan Umrah)	27
	(Jenis Haji)	29
	Korban Dan Akikah	
	Unit 1 : Korban	30
	Unit 2 : Akikah	31
	Solat Sunat Dhuha Dan Solat Sunat Gerhana	
	Unit 1 : Solat Sunat Dhuha	33
	Unit 2 : Solat Sunat Gerhana	34
TINGKATAN 5	Solat Sunat Istikharah Dan Solat Sunat Tasbih	
	Unit 1 : Solat Sunat Istikharah	36
	Unit 2 : Solat Sunat Tasbih	36
	Perkahwinan	
	Unit 1 : Perkahwinan	38
	Unit 2 : Kemahiran Keibubapaan	44
	Isu-isu Dalam Perkahwinan	45
Pengurusan Harta Selepas Kematian		
Unit 2 : Faraid Dalam Islam	55	
	BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM	
TINGKATAN 4	Kerajaan Khulafa' Ar-Rasyidin	57
	Keunggulan Tokoh 4 Mazhab	
	(Al-Imam Abu Hanifah)	61
	(Al-Imam Malik)	62
	(Al-Imam As-Syafi'e)	63
(Al-Imam Ahmad Bin Hanbal)	64	
TINGKATAN 5	Kerajaan Uthmaniah	65
	Keunggulan Tokoh Islam (Ahmad Bin Ibrahim)	68
	BIDANG AKHLAK ISLAMIAH	
TINGKATAN 4	Adab Terhadap Orang Sakit Dan Kurang Upaya	
	Unit 1 : Adab Terhadap Orang Sakit	69
	Unit 2 : Adab Terhadap Orang Kurang Upaya	69
	Konsep Wasatiah	70
TINGKATAN 5	Tawaduk Menzahirkan Kesucian Jiwa	73
	Alam Sekitar Penenang Minda	74
	KAMUS ISTILAH	75

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

AL-QURAN

TINGKATAN 4 : MEMAHAMI SUNNATULLAH

Firman Allah SWT :

Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah (peraturan dan ketetapan Allah)	قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ
maka mengembaralah kamu di muka bumi,	فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ
kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan golongan pendusta	فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾
(Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia	هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ
dan petunjuk serta pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa	وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita	وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزِنُوا
padahal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman.	وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali 'Imran : Ayat 137 - 139)

SPEKTRUM ILMU

Perang Uhud berlaku pada tahun ke-3H / tahun 625M antara tentera Islam dengan kaum kafir Quraisy. Peperangan ini dinamakan **Perang Uhud** kerana berlaku di **Bukit Uhud**.

1) Ceritakan sebab turun ayat 139, surah Ali 'Imran

- Selepas berlaku kekalahan dalam Perang Uhud, Rasulullah SAW mengadu tentang kekalahan tersebut dan memohon bantuab Allah SWT.

2) Apakah maksud Sunnatullah?

- Sunnatullah : Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.

3) **Konsep Sunnatullah / Sunnatullah meliputi perkara berikut :**

- Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah.
- Sunnatullah merangkumi semua makhluk

4) **Jelaskan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu.**

- Dapat mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu.
- Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.

5) **Nyatakan sebab kejayaan umat terdahulu dan akibatnya.**

CONTOH	SEBAB KEJAYAAN	AKIBAT
Kaum Nabi Yusuf a.s.	Menyimpan bekalan semasa musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf a.s	Selamat menghadapi kemarau panjang selama tujuh tahun.
Talut dan Tentera	Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh yang kuat	Dapat menewaskan tentera Jalut yang ramai.

6) **Nyatakan sebab kemusnahan umat terdahulu dan akibatnya.**

CONTOH	SEBAB KEMUSNAHAN	AKIBAT
Kaum Tsamud (Umat Nabi Soleh a.s.)	Bersikap angkuh dan menuduh Nabi Soleh a.s. pendusta	Dibinasakan dengan petir dan gempa bumi yang dasyat.
Kaum Lut (Umat Lut a.s.)	Ingkar perintah Allah dengan mengamalkan homoseksual.	Dibinasakan dengan bumi diterbalikkan.

7) **Jelaskan dua kesan memahami Sunnatullah.**

- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.
- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.

8) **Jelaskan konsep Sunnatullah dalam Perang Uhud.**

- Tentera Islam tewas kerana **ingkar** arahan Rasulullah SAW. (berasaskan konsep sebab)
- Kekalahan tersebut telah menyebabkan umat Islam kembali mengatur strategi yang lebih baik dan berusaha bersungguh-sungguh mempertahankan Islam sehingga memenangi semua peperangan selepas Perang Uhud tersebut.

9) **Terangkan dua pengajaran ayat.**

- Kita hendaklah menjaga keimanan agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.
- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu agar menjadi pedoman dalam kehidupan.

TINGKATAN 4 : LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

Firman Allah SWT :

Maksud	Potongan Ayat
Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan gurauan	وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا
serta mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia.	وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا
ingatkanlah (mereka) dengan al-Quran itu agar diri masing-masing tidak terjerumus (ke dalam neraka) disebabkan apa-apa yang telah diusahakan.	وَذَكِّرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ
tidak akan ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah.	لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ
jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (pasti) tidak akan diterima daripadanya.	وَإِنْ تَعَدَلَ كُلَّ قَدْلٍ لَّا يُؤْخَذَ مِنْهَا
mereka itulah orang yang dihancurkan oleh Allah disebabkan apa-apa yang diusahakan oleh mereka.	أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا
bagi mereka disediakan minuman daripada air panas yang menggelegak dan azab yang pedih kerana mereka kufur (ketika hidupnya)	لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ

(Surah Al-An'am : Ayat 70)

1) Nyatakan ciri perbuatan mempersendakan Islam / ciri golongan yg mempersendakan agama.

- Berasa bangga mempersendakan nama Allah
- Mengejek Sunnah Rasulullah SAW
- Menghina golongan ulama dan orang soleh.
- Menyanjung perbuatan maksiat.
- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

2) Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam.

- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW
- Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat.
- Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah

3) Jelaskan dua kesan mempersendakan Islam.

- Boleh membatalkan iman
- Tidak dipandang oleh Allah di akhirat

4) Senaraikan empat golongan yang sering mempersendakan agama

- Musyrik
- Munafik
- Murtad
- 'Asi

- 5) **Jelaskan dua balasan terhadap golongan yang mempersendakan agama**
 - Ditimpakan azab yang pedih
 - Dimasukkan ke dalam neraka
 - Mereka disediakan minuman daripada air panas yang menggelegak di akhirat
- 6) **Nyatakan dua cara / langkah mengelakkan perbuatan mempersendakan agama**
 - Belajar ilmu agama dengan sempurna
 - Berdamping dengan ulamak
- 7) **Jelaskan akibat tidak memelihara agama terhadap masyarakat/umat Islam.**
 - Umat Islam mundur dan ketinggalan
 - Maksiat berleluasa dalam masyarakat
 - Umat Islam tidak dihormati dan disisih
- 8) **Terangkan pengajaran ayat.**
 - Kita hendaklah mempertahankan kesucian Islam dengan pendekatan yang terbaik.
 - Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama agar hidup diberkati Allah.

TINGKATAN 4 : DAKWAH PEMACU KEMAJUAN

Firman Allah SWT :

Maksud	Potongan Ayat
Dan siapakah yang lebih banyak perkataannya	وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا
daripada orang yang menyeru manusia kepada Allah	مِمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ
dan beramal soleh	وَعَمِلَ صَالِحًا
dan berkata sesungguhnya aku daripada kalangan orang Islam	وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

(Surah Fussilat : Ayat 33)

- 1) **Muqri' (pakar rujuk tilawah al-Quran) dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW ialah:**
 - a) Abdullah bin Masúd
 - b) Salim Maula Abi Huzaifah
 - c) Ubay bin Ka'ab
 - d) Muaz bin Jabal
- 2) **Apakah maksud Dakwah?**
 - Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan laranganNya.
- 3) **Senaraikan tuntutan dalam ayat 33, surah Fussilat :**
 - Berdakwah
 - Beramal soleh
 - Menjadikan Islam sebagai cara hidup

D	= Dakwah
I	= Islam
S	= Soleh



1) Berdakwah	Mengajak dan menyeru supaya takut kepada Allah SWT dengan pendekatan terbaik.	
2) Beramal Soleh	Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al-Quran dan Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT	
Contoh Amalan Soleh	Ibadat Khusus	seperti solat, puasa, zakat
	Ibadat Umum	seperti berakhlak mulia, menolong orang lain
3) Menjadikan Islam Sebagai Cara Hidup	Setiap muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan	

4) Terangkan dua pengajaran ayat.

- Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah ialah Sunnah Rasulullah SAW
- Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh kepada orang lain.

TINGKATAN 5 : CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA

1) Tuliskan maksud potongan ayat dengan betul.

Firman Allah SWT :

Maksud	Potongan Ayat
Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya;	وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾
Dan mereka yang tetap memelihara solatnya	وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾
Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi	أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾
Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya	الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

(Surah al-Mukminun : Ayat 1 - 11)

2) Nyatakan ciri-ciri mukmin berjaya yang terdapat dalam ayat.

- Menjaga Amanah dan Janji
- Sentiasa memelihara Solat

3) Jelaskan maksud bagi setiap ciri-ciri orang mukmin yang berjaya.

6	Menjaga amanah dan janji	Menjaga tanggungjawab dalam setiap urusan. Contohnya dalam urusan pekerjaan, harta benda dan kerahsiaan.
7	Memelihara solat	Menunaikan solat pada waktunya dengan menyempurnakan segala syarat dan rukunnya.

(AYAT 8 : MENUNAIKAN AMANAH & MENEPATI JANJI)

- 4) Nyatakan 2 ciri mukmin yang berjaya berdasarkan ayat 8, Surah Al-Mukminun.
- Menunaikan amanah
 - Menepati janji
 - Memelihara solat
- 5) Apakah maksud amanah?
- Menyampaikan hak kepada pemiliknya / tidak mengambil sesuatu melebihi haknya / tidak mengurangi hak orang lain
- 6) Jelaskan dua cara menunaikan amanah dan janji.
- Melaksanakan segala tugas dengan sempurna
 - Tidak mengkhianati apa-apa yang diamanahkan
 - Tidak memungkiri janji
 - Bertanggungjawab terhadap apa yang dijanjikan
- 7) Jelaskan dua tujuan Allah memerintahkan manusia menunaikan amanah & menepati janji.
- Menghasilkan kerja yang baik dan berkualiti
 - Supaya mendapat kepercayaan orang ramai
 - Disukai Allah dan orang ramai
- 8) Jelaskan dua sebab umat Islam dituntut mengamalkan sifat amanah.
- Jiwa dan perasaan sentasa tenang dan tenteram
 - Disukai Allah dan orang ramai
 - Mendapat kejayaan dan kecemerlangan dalam kehidupan di dunia
- 9) Nyatakan dua amanah yang perlu anda tunaikan terhadap Allah SWT di dunia.
- Menjaga kesucian akidah
 - Melakukan ibadat fardu
 - Berakhlak mulia
 - Menegakkan hukum Allah
- 10) Jelaskan dua akibat kepada seseorang yang terlibat dengan perlakuan jenayah rasuah.
- Hilang kepercayaan orang lain - Dipandang hina oleh masyarakat
 - Dimurkai oleh Allah - Maruah diri tercemar
 - Jiwa tidak tenang
- 11) Nyatakan dua contoh pelajar yang tidak amanah terhadap gurunya.
- Melanggar arahan guru
 - Tidak melaksanakan tugas yang guru berikan
 - Menyakiti hati guru

(AYAT 9 : MENJAGA SOLAT)

- 12) Jelaskan empat cara memelihara solat.
- Menunaikan solat di awal waktu
 - Menyempurnakan solat dengan khusyuk
 - Mengerjakan solat secara berjemaah
 - Mengerjakan solat di masjid / tempat yang aman

13) Jelaskan dua kesan terhadap orang yang memelihara solat.

- Membentuk disiplin dan jati diri yang mantap
- Melahirkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian
- Memperolehi kejayaan yang cemerlang di dunia dan akhirat

14) Terangkan pengajaran ayat. (SPM)

- Kita hendaklah menjaga amanah dan janji agar integriti muslim terpelihara.
- Kita hendaklah sentiasa memelihara solat untuk melahirkan individu yang berdisiplin.

TINGKATAN 5 : MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN

1) Nyatakan maksud potongan ayat di bawah.

Firman Allah SWT :

Adakah kamu menyangka perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji	أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ
dan memakmurkan Masjid Al-Haram itu	وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat	كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
serta berjihad pada jalan Allah?	وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah,	لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ
dan Allah tidak memberikan hidayah kepada kaum yang zalim.	وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾
(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah	الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا
serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka	وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ
adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah	أَعْظَمَ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ
dan mereka itulah orang-orang yang berjaya	وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah at-Taubah : Ayat 19 - 20)

2) Ceritakan sebab turun ayat 19, Surah At-Taubah.

- Terdapat beberapa orang sahabat berbincang tentang amalan yang mereka utamakan selepas pembukaan Kota Mekah seperti amalan memberikan minuman kepada orang yang menunaikan haji, menumpukan usaha kepada memakmurkan Masjid al-Haram dan berjihad di jalan Allah.
- Percakapan mereka ditegur oleh Sayidina Umar r.a kerana tidak sopan meninggikan suara di sebelah mimbar Rasulullah SAW. Kemudian Sayidina Umar r.a mengadu hal ini kepada Rasulullah SAW.

3) Apakah maksud Fiqh al-Aulawiyyat?

- Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.

4) Terangkan pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat dalam kehidupan.

Bidang Pelaksanaan Fiqh al-Aulawiyyat			
Bil	Bidang	Prinsip Am	Aplikasi
1	ILMU DAN PEMIKIRAN	Mengutamakan usaha untuk menuntut ilmu dan memahaminya berbanding dengan melaksanakan sesuatu amalan.	a) Mengutamakan ilmu fardu 'ain berbanding dengan ilmu fardu kifayah. <i>Contohnya</i> : Mengutamakan ilmu menunaikan solat yang betul berbanding dengan ilmu lain.
			b) Mengutamakan ilmu fardu kifayah yang menjadi keperluan semasa dan pelengkap bagi umat Islam. <i>Contohnya</i> : Mengutamakan mempelajari ilmu dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.
2	AMALAN	Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat.	a) Mengutamakan amalan yang banyak manfaat kepada masyarakat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat mengikut keperluan dan situasi. <i>Contohnya</i> : Mengutamakan bersedekah berbanding dengan gotong-royong
			b) Mengutamakan aktiviti kemasyarakatan berbanding dengan ibadat sunat yang berbentuk peribadi. <i>Contohnya</i> : Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding dengan memperbanyak amalan sunat untuk peribadi.
3	TUNTUTAN SYARAK	Mengutamakan perkara pokok berbanding dengan perkara cabang.	a) Mengutamakan amalan fardu 'ain berbanding dengan fardu kifayah <i>Contohnya</i> : Mengutamakan pelaksanaan zakat yang wajib sebelum bersedekah.
			b) Mengutamakan amalan fardu berbanding dengan amalan sunat. <i>Contohnya</i> : Mengutamakan membantu ibu bapa berbanding iktikaf.
			c) Menguasai akidah berbanding dengan perkara syariah. <i>Contohnya</i> : Mempelajari asas-asas akidah Islam terlebih dahulu sebelum memperhalusi isu-isu fekah.

Perkara Pokok (Usul)	Perkara Cabang (Furu')
<ul style="list-style-type: none"> Ialah perkara asas dalam Islam seperti keimanan kepada Allah SWT 	<ul style="list-style-type: none"> Ialah perincian kepada pelaksanaan perkara pokok seperti hukum pelaksanaan solat berjemaah

5) Nyatakan prinsip asas dalam Fiqh al-Aulawiyyat.

- Bersumberkan dalil syarak
- Mengambil kira tahap keupayaan individu
- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat
- Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak

6) Jelaskan kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat terhadap individu dan masyarakat.

Terhadap Individu	Terhadap Masyarakat
1) Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik	1) Mewujudkan kesejahteraan sosial dalam melestarikan pengurusan kehidupan
2) Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif	2) Menyeimbangkan kehidupan masyarakat dalam pelaksanaan tuntutan syariah

7) Terangkan pengajaran ayat.

- Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang produktif
- Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pada pada hari akhirat.

TINGKATAN 5 : KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM

1) Tuliskan maksud potongan ayat dengan betul.

Firman Allah SWT :

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan,	يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ
dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu saling berkenalan,	وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah dalam kalangan kamu ialah orang yang paling bertaqwa,	إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ
sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya	إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

(Surah Al-Hujurat : Ayat 13)

2) **Ceritakan sebab turun ayat 13, Surah Al-Hujurat**

- Rasulullah SAW telah meminta Sayidina Bilal Bin Rabah r.a melaungkan azan semasa pembukaan Kota Mekah
- Terdapat sahabat yang telah memandang rendah kepada Sayidina Bilal r.a.
- Jibril a.s telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan para sahabat tersebut lalu Rasulullah SAW memanggil mereka dan bertanya tentang tindakan mereka

3) **Nyatakan isi kandungan ayat.**

1	Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa	i) Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni ii) Menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam
2	Keutamaan takwa	i) Manusia adalah sama di sisi Allah SWT ii) Allah SWT tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah memandang hati dan amalan hambaNya

4) **Terangkan mengapakah kita dituntut untuk saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa dan kaum.**

- Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni agar hidup aman
- Sebagai menghormati kepelbagaian budaya supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat.

5) **Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas.**

- Kita hendaklah saling bekerjasama untuk membina kehidupan yang harmoni.
- Kita hendaklah berusaha untuk memperbaiki akhlak supaya menjadi insan bertakwa

TINGKATAN 4 : HUKUM TAJWID

MAD SILAH مد صلة

Maksud Mad Silah	MAD yang terdapat selepas huruf HA Dhamir (ه) yang berbaris kasrah 'bawah', atau berbaris dhammah 'depan'		
هاء الضمير (Ha' Dhamir)	Ganti nama dalam Bahasa Arab yang bermaksud "Nya"		
Bahagian Mad Silah	Keterangan	Contoh	Cara Bacaan
MAD SILAH QASIRAH (قصيرة)	Apabila Ha' Dhamir (ه , هـ) terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan huruf hijaiyah selain daripada huruf (hamzah) pada dua kalimah yang berlainan	فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لِقَائِهِ وَجَعَلَنَّهُ	2 Harakat
MAD SILAH TAWILAH (طويلة)	Apabila Ha' Dhamir (ه , هـ) terletak di antara dua huruf berbaris bertemu dengan huruf (hamzah) pada dua kalimah berlainan	وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ أَمْرُهُ إِذَا	4 atau 5 Harakat

QALQALAH (قلقله)

Maksud Qalqalah	Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf Qalqalah.		
Huruf Qalqalah	ق ط ب ج د		
Bahagian Qalqalah	Keterangan	Contoh	Cara Bacaan
Qalqalah Sughra قلقله صغرى	Huruf qalqalah yang berbaris sukun (mati) pada pertengahan kalimah atau pada hujung kalimah ketika bacaan secara wasal.	وَلَقَدْ آتَيْنَا قَبْلَكَ وَالْأَبْصَرَ	Bunyi lantunan yang rendah ketika menyebut huruf qalqalah yang berbaris sukun.
Qalqalah Kubra قلقله كبرى	Huruf qalqalah yang berbaris sukun (mati) atau sukun yang mendatang berada pada hujung kalimah ketika bacaan secara waqaf.	يُودَدُ إِذَا وَقَبَ	Bunyi lantunan yang kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika waqaf.
Qalqalah Akbar قلقله أكبر	Huruf qalqalah yang berbaris syaddah pada hujung kalimah ketika bacaan secara waqaf.	بِالْحَقِّ وَتَبَّ	Bunyi lantunan lebih kuat ketika menyebut huruf qalqalah ketika waqaf.

MAD LAZIM (مد لازم)

Maksud Lazim مد لازم	Huruf Mad bertemu dengan huruf yang bertanda sukun 'mati' ketika bacaan secara wasal atau waqaf		
Cara Bacaan	6 Harakat.		
Bahagian Mad Lazim	Keterangan	Contoh	
MAD LAZIM KALIMI : Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun dalam satu kalimah	1	Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang tidak bersyaddah (bersabdu) dalam satu kalimah dan tidak dibaca secara idgham	ءَآلَئِنَّ
	2	Mad Lazim Kalimi Muthaqqal Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun yang bersyaddah (bersabdu) dalam satu kalimah dan dibaca secara idgham	وَلَا الضَّالِّينَ الْحَاقَّةُ
MAD LAZIM HARFI : Huruf Mad yang terdapat pada Fawatih As-Suwar bertemu huruf yang bertanda sukun (mati) yang ejaannya menjadi hukum Mad Asli	1	Mad Lazim Harfi Mukhaffaf Huruf Mad yang terdapat pada pembukaan surah bertemu huruf bertanda sukun (mati) yang tidak dibaca secara idgham	كَهَيَّعْص يَسْ
	2	Mad Lazim Harfi Muthaqqal Huruf Mad yang terdapat pada pembukaan surah bertemu huruf bertanda sukun (mati) yang dibaca secara idgham	الْم طَسَمْ

Fawatih As-Suwar : فواتح السور :

Huruf Hijaiyah yang terletak pada permulaan surah.

Idgham : إدغام :

Dimasukkan bunyi huruf pertama kepada huruf yang kedua.

TINGKATAN 5 : HUKUM TAJWID (IBTIDA')



JENIS IBTIDA'

MAKSUD IBTIDA' (ابتداء)

Memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf

PEMBAHAGIAN IBTIDA'

IBTIDA' HASAN

MAKSUD :

Memulakan bacaan pada kalimah yang dapat difahami maknanya serta tidak bersalahan dengan maksud yang dikehendaki Allah SWT

HUKUM BACAAN

Harus

IBTIDA' QABIH

MAKSUD :

Memulakan bacaan pada kalimah yang tidak menyampaikan maksud yang sebenar atau boleh mengubah makna yang dikehendaki Allah

HUKUM BACAAN

Tidak Harus

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

HADIS

TINGKATAN 4 : KEMULIAAN BERDIKARI

Sabda Rasulullah SAW :

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال :

Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya (untuk dijual)	لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ
Pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang	خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا
Lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya.	فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ .

(رواية البخاري)

1) Nyatakan pekerjaan para Nabi dan Rasul untuk menyara kehidupan keluarga:

NAMA NABI	PEKERJAAN
Nabi Adam a.s	Petani
Nabi Idris a.s	Tukang jahit
Nabi Musa a.s	Penternak kambing
Nabi Daud a.s	Tukang besi
Nabi Zakaria a.s	Tukang kayu
Nabi Muhammad SAW	Pengembala kambing dan Peniaga

2) Apakah maksud Berdikari?

- Berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.

3) Jelaskan konsep berdikari menurut Islam.

- Menyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas.
- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.
- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah diri.

4) Jelaskan kelebihan berdikari.

- ✚ **AGAMA** : Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha.
- ✚ **EKONOMI** : Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal.
- ✚ **PENDIDIKAN** : Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran.
- ✚ **KEMASYARAKATAN** : Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkatkan taraf kehidupan.

5) Terangkan dua pengajaran hadis.

- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan agar hidup dirahmati Allah SWT.
- Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain demi memelihara maruah diri.

TINGKATAN 5 : TUJUH GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH

Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ , وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ , وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ , وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ , وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ , وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ , وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .

(متفق عليه)

1) Nyatakan maksud potongan hadis di bawah.

Tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah SWT.	سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ
pada hari yang tidak ada naungan kecuali naunganNya	يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ
pemimpin yang adil	الْإِمَامُ الْعَادِلُ
dan pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah,	وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ
dan seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid,	وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ
dan dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah	وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ
dan seseorang lelaki yang diajak berzina oleh seorang perempuan kaya dan cantik	وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ
lalu dia menolak sambil berkata : “Aku takut pada Allah SWT,	فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ
dan seseorang yang bersedekah secara sembunyi	وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى
sehingga tangan kiri tidak mengetahui sedekah yang diberikan oleh tangan kanannya	حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ
dan seseorang yang secara bersendirian mengingati Allah SWT sehingga menitikkan air mata.	وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ .



AKRONIM

- Pemimpin** = Pemimpin
- Taat** = Taat
- Mesti** = Masjid
- Kasih** = Mengasihi
- Mak** = Maksiat
- Sendiri** = Sedekah
- I** = Ingat Allah

2) Senaraikan tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

- i) Pemimpin yang adil
- ii) Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT
- iii) Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid
- iv) Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT
- v) Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT
- vi) Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.
- vii) Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitikkan air mata

Maksud Naungan	Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar
-----------------------	--

3) Jelaskan maksud bagi tujuh golongan tersebut berserta contohnya.

TUJUH GOLONGAN	MAKSUD	CONTOH
1) Pemimpin yang adil	Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya berpandukan al-Quran dan Hadis.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi ▪ Mencegah kemungkaran daripada berleluasa
2) Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT	Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT sama ada ibadat wajib atau sunat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Melaksanakan tuntutan solat lima waktu dan ibadat puasa dengan sempurnanya ▪ Melazimi qiamullail, membaca al-Quran dan berzikir.
3) Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid	Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menunaikan solat fardu secara berjemaah ▪ Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah.
4) Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT	Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sayidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW ketika berhadapan dengan pelbagai ujian semasa berhijrah ke Madinah ▪ Persaudaraan antara kaum Muhajirin dengan Ansar sehingga sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal
5) Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT	Seseorang yang membenci dan menjauhi semua perbuatan yang melanggar suruhan Allah SWT atau meninggalkan laranganNya sama ada dalam bentuk lisan, perbuatan atau hati.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menjauhi perbuatan mencuri ▪ Menghindari pergaulan bebas tanpa batasan

6) Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya	Sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian ▪ Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid
7) Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata	Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepadaNya.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beristighfar dengan mengharapkan keampunan Allah SWT sehingga mengalir air mata mengenangkan dosa yang dilakukan

3) Jelaskan tiga usaha untuk menjauhi maksiat.

- Sentiasa menghadiri majlis ilmu
- Sentiasa menghindari pergaulan bebas tanpa batasan
- Sentiasa mendampingi orang soleh/kawan yang baik akhlak

4) Terangkan dua persediaan untuk menjadi generasi muda yang hebat menurut Islam.

- Beramal dengan ilmu yang dimiliki agar kekal istiqamah
- Menjauhi maksiat dan perkara keji agar hati sentiasa bersih
- Mendalami ilmu sama ada ilmu fardu ain atau ilmu fardu kifayah.

5) Terangkan dua pengajaran daripada hadis.

- Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah agar jiwa kita tenang
- Kita hendaklah saling mengasihi supaya masyarakat hidup aman damai
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

AKIDAH

TINGKATAN 4 : PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

1) Apakah hukum memelihara iman daripada terbatal.

- Wajib

2) Nyatakan cara iman seseorang terbatal

- Melalui Perkataan
- Melalui Perbuatan
- Melalui Iktikad

3) Apakah yang dimaksudkan batal iman melalui iktikad.

- Iman terbatal dengan sebab **tidak percaya** atau **ragu-ragu** dengan perkara yang berkaitan dengan:
 - a) Uluhiyyah (Ketuhanan)
 - b) Nubuwwah (Kenabian)
 - c) Perkara Ghaibiyat (Ghaib)
 - d) Syariah.

4) Nyatakan contoh iktikad yang membatalkan iman.

Contoh Iktikad Yang Membatalkan Iman	1	Al-Uluhiyyah	• Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta
			• Mengingkari sifat kesempurnaan Allah seperti Allah Maha Mendengar dan Maha melihat
			• Meyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah Alam.
	2	An-Nubuwwah	• Mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua nabi dan rasul
			• Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul dan Nabi yang terakhir
	3	Al-Ghaibiyat	• Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di Mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka.
			• Mengingkari kewujudan Alam Barzah atau azab kubur.
			• Mengingkari kewujudan malaikat dan jin
	4	Asy-Syariah	• Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.
			• Mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT seperti mengingkari pengharaman zina atau menghalalkan liwat dan musahaqah.
			• Beriktikad bahawa Undang-undang Syariah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah ialah undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai diamalkan.

5) Apakah yang dimaksudkan batal iman melalui perkataan.

- Percakapan yang mengandungi pengakuan kufur atau penafian akidah Islam, atau mempersendakan hukum-hakam Islam.

6) Nyatakan contoh perkataan yang membatalkan iman.

Contoh Perkataan Yang Membatalkan Iman	1	Pengakuan Yang Mengandungi Kufur	• Saya tidak lagi beragama Islam”
			• al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan”
	2	Penafian Akidah Islam	• “Saya tidak percaya adanya Malaikat Raqib dan Atid”
			• “Rasulullah pun buat dosa”
	3	Persendaan Hukum-hakam Islam	• Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi”
			• Bilal itu telah menyalak seperti anjing”

7) Apakah yang dimaksudkan batal iman melalui perbuatan.

- Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran.

8) Nyatakan contoh perbuatan yang membatalkan iman.

Contoh Perbuatan Yang Membatalkan Iman	• Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja.
	• Mengoyak Mashaf al-Quran
	• Melakukan upacara ibadat agama lain.

9) Jelaskan syarat terbatalnya iman seseorang.

- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.
- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.
- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja tanpa sebarang paksaan.

10) Jelaskan kesan melakukan perkara yang membatalkan iman.

- Rosak segala amalan soleh dan ibadat yang dilakukan.
- Diharamkan memasuki syurga sebaliknya akan kekal dalam neraka.

11) Jelaskan cara menjauhi perkara yang membatalkan iman.

ILMU	Mendalami ilmu aqidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur
SAHABAT	Bersahabat dengan orang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan.
AMAL	Melakukan amal soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan Rasul.
KAJI	Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah
DOA	Berdoa dengan memohon petunjuk Allah SWT agar sentiasa istiqamah di atas agama Islam.
TAUBAT	Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa dan kesalahan yang dilakukan.

(TaDIKAS)

12) **Jelaskan tiga program yang boleh meningkatkan keimanan dalam kalangan murid sekolah.**

- Mengadakan majlis ilmu seperti ceramah, tazkirah dan forum
- Memperbanyakkan majlis zikir dan bacaan al-Quran
- Mengadakan program qiamullail dan solat hajat

TINGKATAN 5 : ALLAH SWT MAHA MENGAWASI (الرقيب)

KLU : RA Was

1) **Nyatakan maksud Ar-Raqib.**

- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.

2) **Jelaskan bukti Allah SWT bersifat Ar-Raqib.**

- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya.
- Allah SWT sentiasa Mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.

3) **Terangkan dua ibrah beriman kepada nama Allah SWT Ar-Raqib.**

- Kita hendaklah sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin agar terhindar daripada melakukan dosa dan kesalahan.
- Kita hendaklah berusaha melakukan perintah Allah dan menjauhi laranganNya kerana merasakan Allah SWT sentiasa mengawasinya.

TINGKATAN 5 : ALLAH SWT MAHA MENYAKSIKAN (الشهيد)

KLU : SYA Ksi

1) **Nyatakan maksud As-Syahid.**

- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadanya.

2) **Jelaskan bukti Allah SWT bersifat As-Syahid**

- Allah SWT menjadi saksi perutusan Rasulullah SAW ke atas umatnya
- Allah SWT sentiasa Maha Menyaksi dan Menghitung segala amal perbuatan manusia
- Allah SWT menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik

3) **Terangkan dua kesan beriman dengan nama Allah SWT As-Syahid.**

- Mendidik manusia sentiasa bercakap benar dan jujur kerana Allah menjadi saksi pembohongan orang-orang munafik.
- Menjadikan manusia sentiasa takut dan berhati-hati dalam tindakan kerana Allah sentiasa melihat dan mendengar kata-kata mereka.
- Mendorong manusia melakukan sesuatu perkara kebaikan dan menjauhi kejahatan kerana Allah menyaksi dan menghitung segala perbuatan manusia.

ALIRAN SYIAH, KHAWARIJ DAN MUKTAZILAH

Aliran Yang Bertentangan Dengan ASWJ	Prinsip Utama :
<p style="text-align: center;">SYIAH</p> <p>Sejarah : Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlu al-Bait sahaja yang lebih baik memegang jawatan khalifah</p>	<p>Prinsip Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Meyakini bahawa “al-Imamah (الإمامة) merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasulnya secara nas. 2) Meyakini bahawa imam-imam adalah “maksum”, iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar. 3) Menyanjung Sayidina Ali r.a secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW. 4) Mengamalkan “at-Taqiyyah” (التقية) iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya. 5) Menambah nama Sayidina Ali r.a. dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.
<p style="text-align: center;">KHAWARIJ</p> <p>Sejarah : Kumpulan pengikut Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.</p>	<p>Prinsip Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak. 2) Mereka menyatakan bahawa Sayidina Ali r.a. telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim. 3) Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil. 4) Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.
<p style="text-align: center;">MUKTAZILAH</p> <p>Sejarah : Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil Bin ‘Ata’ (وَأَصِلُ بْنُ أَتَا) (عَطَاء) setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.</p>	<p>Prinsip Utama:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) At-Tauhid : Menafikan sifat ma’ani (معاني) pada Zat Allah SWT. 2) Al-‘Adl (العدل): Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT. 3) Al-Wa’du wal-Wa’id (الوعد والوعيد): Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat. 4) Al-Manzilah Baina al-Manzilatain (المنزلة بين المنزلتين): Meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka. 5) Al-Amru bil-Ma’rufi Wannahyu ‘anil Munkar : Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun.

1) Jelaskan pandangan Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah dan aliran yang bertentangan dengannya tentang beberapa isu.

ISU	AHLI AS-SUNNAH WAL-JAMAAH	ALIRAN YANG LAIN
Adakah Al-Quran Makhluk?	Meyakini bahawa al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang bersifat Qadim (Sedia ada)	Muktazilah : Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu)
Melihat Allah SWT	Meyakini bahawa semua orang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari akhirat kelak	Muktazilah : Mengatakan bahawa adalah mustahil makhluk boleh melihat Allah SWT kerana Allah tidak menyerupai makhluk
Pelaku Dosa Besar	Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat	Khawarij : Pelaku dosa besar dianggap kafir Muktazilah : Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka
Qadak Dan Qadar	Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datang daripada Allah SWT dan Allah SWT mengurniakan manusia akal untuk berfikir dengan berikhtiar untuk memilih antara baik dengan buruk.	Muktazilah : Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datangnya daripada manusia semata-mata
Kedudukan Iman	Ahli As-Sunnah Wal-Jamaah mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan	Khawarij dan Muktazilah : Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkar.

2) Terangkan tiga cara menangani aliran Syiah daripada terus menular dalam kalangan masyarakat.

- Memperbanyakkan majlis ilmu seperti ceramah, kuliah agama dan lain-lain.
- Memberi nasihat supaya mereka bertaubat dan kembali kepada agama Islam
- Menguatkuasakan undang-undang demi memelihara ajaran Islam.
- Memberi kesedaran tentang keburukan aliran Syiah melalui risalah atau media massa.

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

FEKAH

TINGKATAN 4 : HAJI DAN UMRAH

1) Nyatakan maksud Haji dan Umrah.

PERKARA	HAJI	UMRAH
BAHASA	Tujuan dan Maksud	Ziarah
ISTILAH	Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.	Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.
Ibadat Haji Disyariatkan	Pada tahun kelima Hijrah.	
Bulan-Bulan Haji	a) Syawal b) Zulkaedah	c) 1 hingga 13 Zulhijjah

2) Nyatakan Hukum Haji dan Umrah.

- Wajib Sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukalaf dan berkemampuan.

3) Nyatakan 5 Syarat Wajib Haji dan Umrah

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Merdeka
- Berkemampuan (Istito'ah)

4) Nyatakan ciri-ciri berkemampuan/berkuasa/Istito'ah :

- a. Cukup perbelanjaan untuk mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik
- b. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang ditinggalkan di bawah tanggungan
- b) Ada kenderaan pergi dan balik
- c) Aman perjalanan pergi dan balik.
- d) Sihat tubuh badan

(Ciri tambahan khusus bagi perempuan)

- a) Mendapat keizinan suami atau wakilnya.
- b) Ditemani oleh suami atau mahram atau kumpulan perempuan yang boleh dipercayai.

5) Nyatakan Rukun Haji Dan Umrah.

HAJI	UMRAH	HURAIAN
1. Niat Mengerjakan Haji	1. Niat Mengerjakan Umrah	Lafaz niat mengerjakan haji. Maksud : Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah SWT Lafaz niat mengerjakan umrah. Maksud : Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah SWT
2. Wuquf di Arafah	2. Tiada Wuquf di Padang Arafah	Wukuf pada ibadat haji: Berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zuhur 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.
3. Tawaf di Ka'abah		Mengelilingi Ka'abah 7 pusingan bermula di penjuru Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu
4. Sai'e		Berjalan ulang alik sebanyak 7 kali bermula di bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.
5. Bergunting atau Bercukur Rambut		Bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut dan sunat bercukur rambut bagi lelaki.
6. Tertib	6. Tertib	Melakukan perbuatan mengikut urutan

6) Berikan pengertian jenis-jenis tawaf yang berikut.

TAWAF QUDUM	<ul style="list-style-type: none"> • Tawaf Selamat Datang • Sunat bagi mereka yang baru sampai ke Mekah
TAWAF IFADAH	<ul style="list-style-type: none"> • Tawaf Rukun • Wajib ditunaikan bagi mereka yang menunaikan ibadat haji
TAWAF WADA'	<ul style="list-style-type: none"> • Tawaf Selamat Tinggal • Wajib dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan kota Mekah.
TAWAF SUNAT	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh dikerjakan pada bila-bila masa.

7) Nyatakan syarat-syarat sah tawaf.

- Menutup aurat
- Bertujuan tawaf
- Dilakukan dalam Masjidil Haram
- Dilakukan sebanyak 7 kali pusingan

8) Nyatakan syarat-syarat sah sa'ie.

- Berniat semata-mata Sa'ie kerana Allah
- Dilakukan selepas Tawaf Rukun/Qudum
- Bermula di Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah
- Hendaklah sampai ke penghujung tempat saie di Safa dan Marwah

AKRONIM


NINA	=	Niat Ihram Haji
WENT	=	Wukuf di Arafah
TO	=	Tawaf
SCHOOL	=	Sa'ie
BY	=	Bercukur
TAXI	=	Tertib

9) Nyatakan maksud tahallul menurut syarak dan waktu tahallul bagi umrah dan haji.

Maksud Tahallul :	Membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram
Waktu Tahallul	Tahallul Umrah : Para jemaah bercukur atau bergunting selepas selesai melaksanakan Sai'e
	<p>Tahallul Haji terbahagi kepada dua:</p> <p>i. Tahallul Awal :</p> <p>Boleh dilaksanakan oleh jemaah haji apabila telah melaksanakan dua daripada tiga perkara berikut</p> <ol style="list-style-type: none"> Melontar Jamrah Kubra Tawaf dan Sai'e Bercukur atau bergunting <p>ii. Tahallul Thani :</p> <p>Boleh dilakukan setelah menyempurnakan tiga perkara tersebut</p>

10) Terangkan Perkara Wajib Haji dan Umrah yang berikut .

HAJI	UMRAH	HURAIAN
<p>1. Berniat Ihram Di Miqat</p> <p>5 Tempat Miqat Bagi Penduduk Luar Mekah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Zulhulaifah (Bir Ali) Zatu Iraq Qarnul Manazil Yalamlam Juhfah 		<p>Maksud Miqat : Berniat Ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat Ihram Haji atau Umrah.</p> <p>Jenis Miqat :</p> <ol style="list-style-type: none"> Miqat Zamani (Masa) : Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat Ihram Haji, bermula dari 1 Syawal dan berakhir apabila masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah. Miqat Makani (Tempat) : Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat Ihram

2. Bermalam (Mabit) Di Muzdalifah	Tiada	Berada di Muzdalifah selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga sebelum terbit fajar.																		
3. Melontar 7 Anak Batu Di Jamratul Kubra (Aqabah)	Tiada	Masa untuk melontar bermula selepas tengah malam 10 Zulhijjah.																		
4. Bermalam (Mabit) Di Mina	Tiada	Berada di Mina pada malam-malam hari Tasyrik (11 hingga 13 Zulhijjah).																		
5. Melontar 7 Anak Batu Di Ketiga-Tiga Jamrah	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra (Aqabah) pada hari Tasyrik. • Masuk waktu melontar adalah selepas azan Subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah. 																		
<p style="text-align: center;">6. Menjauhi Larangan Ihram</p>  <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center; color: red; font-weight: bold;">AKRONIM</p> <p> NAIK = Niat Ihram di Miqat MOTOR = Malam di Muzdalifah LAJU = Lontar Jamrah Aqabah MASUK = Malam di Mina LONGKANG = Lontar 3 Jamrah MENINGGAL = Meninggalkan Perkara Larangan Ihram </p> </div>		<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td data-bbox="592 864 858 1025" rowspan="3">Kecantikan (L / P)</td> <td data-bbox="858 864 1458 913">1) Menyapu minyak rambut.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 913 1458 969">2) Mencabut bulu</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 969 1458 1025">3) Memotong rambut dan kuku.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1025 858 1133">Wangi-Wangian (L / P)</td> <td data-bbox="858 1025 1458 1133">4) Berwangi-wangian sama ada pada pakaian badan atau menghidunya.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1133 858 1402" rowspan="4">Pakaian</td> <td data-bbox="858 1133 1458 1240">5) Memakai pakaian berjahit atau bercantum. (L)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1240 1458 1296">6) Menutup kepala. (L)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1296 1458 1352">7) Menutup muka (P)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1352 1458 1402">8) Memakai sarung tangan. (L / P)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1402 858 1559" rowspan="2">Alam Sekitar (L / P)</td> <td data-bbox="858 1402 1458 1458">9) Memburu binatang buruan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1458 1458 1559">10) Memotong atau merosakkan tumbuhan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1559 858 1827" rowspan="3">Hubungan Seksual</td> <td data-bbox="858 1559 1458 1666">11) Berkahwin / mengahwinkan atau wakil untuk menerima nikah.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1666 1458 1774">12) Melakukan perbuatan merangsang syahwat</td> </tr> <tr> <td data-bbox="858 1774 1458 1827">13) Persetubuhan suami isteri</td> </tr> </table>	Kecantikan (L / P)	1) Menyapu minyak rambut.	2) Mencabut bulu	3) Memotong rambut dan kuku.	Wangi-Wangian (L / P)	4) Berwangi-wangian sama ada pada pakaian badan atau menghidunya.	Pakaian	5) Memakai pakaian berjahit atau bercantum. (L)	6) Menutup kepala. (L)	7) Menutup muka (P)	8) Memakai sarung tangan. (L / P)	Alam Sekitar (L / P)	9) Memburu binatang buruan.	10) Memotong atau merosakkan tumbuhan.	Hubungan Seksual	11) Berkahwin / mengahwinkan atau wakil untuk menerima nikah.	12) Melakukan perbuatan merangsang syahwat	13) Persetubuhan suami isteri
Kecantikan (L / P)	1) Menyapu minyak rambut.																			
	2) Mencabut bulu																			
	3) Memotong rambut dan kuku.																			
Wangi-Wangian (L / P)	4) Berwangi-wangian sama ada pada pakaian badan atau menghidunya.																			
Pakaian	5) Memakai pakaian berjahit atau bercantum. (L)																			
	6) Menutup kepala. (L)																			
	7) Menutup muka (P)																			
	8) Memakai sarung tangan. (L / P)																			
Alam Sekitar (L / P)	9) Memburu binatang buruan.																			
	10) Memotong atau merosakkan tumbuhan.																			
Hubungan Seksual	11) Berkahwin / mengahwinkan atau wakil untuk menerima nikah.																			
	12) Melakukan perbuatan merangsang syahwat																			
	13) Persetubuhan suami isteri																			

11) Nyatakan amalan sunat Haji dan Umrah

- Mandi sunat Ihram
- Solat sunat Ihram
- Talbiah
- Solat sunat selepas melakukan tawaf

12) Jelaskan persamaan antara Haji dan Umrah.

ASPEK	HAJI DAN UMRAH
Rukun	<ul style="list-style-type: none">• Tawaf Ifadhah• Sai'e• Bercukur
Perkara Wajib	<ul style="list-style-type: none">• Larangan Ihram• Mempunyai Miqat Makani

13) Jelaskan perbezaan antara Haji dan Umrah.

ASPEK	HAJI	UMRAH
Waktu	Dikerjakan pada bulan haji sahaja	Pada bila-bila masa sepanjang tahun
Rukun	Wajib wuquf	Tiada wuquf
Perkara Wajib	Bermalam di Muzdalifah	Tiada bermalam di Muzdalifah
	Bermalam di Mina	Tiada bermalam di Mina

14) Jelaskan jenis-jenis Haji.

JENIS HAJI	PENGERTIAN
HAJI IFRAD	Mengerjakan haji dahulu kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama.
HAJI TAMATTUK	Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji, kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama.
HAJI QIRAN	Berniat mengerjakan haji dan umrah secara serentak.

15) Jelaskan hikmah haji dan umrah.

Rohani	<ul style="list-style-type: none">• Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah• Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT bagi mencapai kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT
Sosial	<ul style="list-style-type: none">• Saling mengenali sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa negara.
Politik	<ul style="list-style-type: none">• Menzahirkan kekuatan umat Islam
Dakwah	<ul style="list-style-type: none">• Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam.
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none">• Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam tabung haji supaya dana umat Islam meningkat.• Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan baru

TINGKATAN 4 : KORBAN

1) Nyatakan maksud Korban, hukum dan waktu disyariatkannya.

PERKARA	KORBAN
Maksud Korban	Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah.
Hukum	1. SUNAT MUAKKAD : Bagi yang mampu 2. WAJIB : Jika bernazar
Bila Disyariatkan	Pada tahun ke-2 Hijrah. Sebagai mengingati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s

2) Senaraikan binatang ternakan (al-An'am) yang disyariatkan korban.

- Kerbau
- Lembu
- Biri-biri
- Kambing
- Unta

3) Jelaskan syarat-syarat sah korban.

Syarat Sah Korban	Berniat Korban	Berniat korban ketika binatang disembelih.
	Masa Pelaksanaan	Selepas solat Hari Raya Aidil Adha pada 10 Zulhijjah hingga terbenam matahari pada akhir hari Tasyrik iaitu pada 13 Zulhijjah.
	Cukup Umur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unta : 5 tahun dan ke atas ▪ Lembu / Kerbau : 2 tahun dan ke atas ▪ Kambing : 2 tahun dan ke atas ▪ Biri-biri : 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan.
	Sifat Al-An'am	Bebas daripada penyakit dan kecacatan. Contohnya : <ul style="list-style-type: none"> • Cacat yang teruk pada satu matanya, • Berpenyakit yang teruk • Tempang • Kurus yang melampau. • Gila

4) Jelaskan perkara sunat ketika korban.


- Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri dan tidak mewakilkan kepada orang lain jika mampu.
- Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti menghadap arah kiblat dan alat sembelihan yang tajam.
- Berdoa semasa hendak menyembelih :
- Membaca "***Bismillahi Allahu Akbar***" dan berselawat ke atas Rasulullah SAW ketika menyembelih

5) Nyatakan tempoh masa pelaksanaan korban.

- 10 Zulhijjah selepas Solat Sunat Aidil Adha dan dua khutbah hingga sebelum terbenam matahari 13 Zulhijjah.

6) Jelaskan cara pembahagian daging sembelihan korban.

- Sebaik-baik pembahagian daging korban :



AGIHAN DAGING KORBAN

✓	Wajib semua daging korban bagi korban Nazar disedekahkan kepada fakir dan miskin.
X	Orang yang berkorban haram menjual daging termasuk kulit, lemak susu, kaki, kepala dan bulu binatang korban.

7) Terangkan hikmah melaksanakan ibadat korban.

- Tanda bersyukur kepada Allah atas segala nikmat supaya rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati.
- Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana Solat Sunat Aidil Adha menghimpunkan seluruh umat Islam.

TINGKATAN 4 : AKIKAH

1) Nyatakan maksud akikah dan hukum akikah.

PERKARA	AKIKAH
Maksud	Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) yang disembelih sempena kelahiran bayi.
Hukum	<ol style="list-style-type: none"> 1. SUNAT MUAKKAD 2. WAJIB : Jika bernazar

2) Senaraikan binatang ternakan (al-An'am) yang disyariatkan akikah.

- Kerbau
- Lembu
- Biri-biri
- Kambing
- Unta

3) Jelaskan syarat-syarat sah akikah.

Syarat Sah Akikah	Berniat Akikah	Berniat akikah ketika binatang disembelih.
	Masa Pelaksanaan	Setelah bayi dilahirkan.
	Cukup Umur	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unta : 5 tahun dan ke atas ▪ Lembu / Kerbau : 2 tahun dan ke atas ▪ Kambing : 2 tahun dan ke atas ▪ Biri-biri : 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan.
	Sifat Al-An'am	Bebas daripada penyakit dan kecacatan. Contohnya : <ul style="list-style-type: none"> • Cacat yang teruk pada satu matanya, • Berpenyakit yang teruk • Tempang • Kurus yang melampau. • Gila

4) Jelaskan perkara sunat ketika akikah.

- Berdoa semasa hendak menyembelih
- Menyembelih ketika matahari sedang naik.
- Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran.
- Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan.

5) Nyatakan tempoh pelaksanaan akikah.

Sunat	Sunat Muakkad
Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh	Pada hari ketujuh kelahiran bayi

6) Nyatakan cara pembahagian daging akikah.

- Masakan itu afdhal disedekahkan kepada orang miskin.
- Masakan itu juga sunat dimakan oleh orang yang beraqiqah.
- Dimasak dengan masak yang manis dan disedekahkan sesudah dimasak.

7) Terangkan hikmah melaksanakan ibadat akikah.

- Menghebahkan berita kelahiran supaya tidak timbul prasangka.
- Menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan cahaya mata.

8) Jelaskan dua perbezaan sembelihan, korban dan akikah.

Sembelihan	Korban	Akikah
• Binatang halal di makan	• Binatang al-an'am / ternakan tertentu	• Binatang al-an'am/ ternakan tertentu
• Tujuan untuk memamatkan binatang dengan cepat	• Tujuan untuk beribadat kepada Allah	• Tujuan untuk bersyukur sempena kelahiran bayi
• Hukum : Wajib	• Hukum : Sunat Muakkad	• Hukum : Sunat Muakkad

TINGKATAN 4 : SOLAT SUNAT DHUHA

1) Nyatakan maksud Solat Sunat Dhuha dan hukum.

PERKARA	SOLAT SUNAT DHUHA
Maksud Solat Sunat Dhuha	Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.
Hukum	Sunat Muakkad

Waktu dhuha adalah selepas 28 minit waktu syuruk sehingga masuk waktu zohor.

2) Jelaskan hikmah menunaikan Solat Sunat Dhuha.

- Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT.
- Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa.

3) Terangkan cara/kaifiat menunaikan Solat Sunat Dhuha.

Niat	Lafaz Niat : أَصَلِّي سُنَّةَ الضُّحَى رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى Maksud : Sahaja aku solat Sunat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta'ala.	
Bilangan Rakaat	2 , 4, 6 atau 8 rakaat	
Cara Pelaksanaan	Digalakkan secara bersendirian	
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah al-Fatihah	
	Surah as-Syams atau surah lain	Surah Dhuha atau surah lain
Menyempurnakan rukun-rukun lain sehingga memberi salam.		

(Jawapan Ringkas)

Jelaskan cara menunaikan solat sunat dhuha.

- Niat
- Bilangan rakaat 2,4,6 atau 8 rakaat.
- Digalakkan secara bersendirian.
- Bacaan: al-fatimah dan mana-mana surah, di kedua-dua rakaat.
- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam.

TINGKATAN 4 : SOLAT SUNAT GERHANA

1) Nyatakan maksud Solat Sunat Gerhana dan hukum.

PERKARA	SOLAT SUNAT GERHANA
Maksud	Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu.
Hukum	Sunat Muakkad
Tarikh Pensyariatan	SOLAT GERHANA MATAHARI : Pada tahun Kedua Hijrah SOLAT GERHANA BULAN : Pada tahun Kelima Hijrah

2) Senaraikan amalan yang dianjurkan ketika gerhana.

- Solat Sunat Gerhana
- Berdoa
- Bertakbir
- Bersedekah
- Memperbanyak istighfar

3) Terangkan hikmah menunaikan Solat Sunat Gerhana.

- Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran
- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW.

4) Terangkan kaifiat menunaikan Solat Sunat Gerhana

Niat	Lafaz Niat Gerhana Bulan: Maksud : Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat menjadi imam / makmum kerana Allah Taala Lafaz Niat Gerhana Matahari: Maksud : Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat menjadi imam/ makmum kerana Allah Taala
Bilangan Rakaat	2 rakaat

Waktu	Dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan	
Cara Pelaksanaan	Digalakkan secara berjemaah	
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah al-Fatihah dan surah lain	
Rukuk Pertama	Sebaik-baiknya memanjangkan kadar rukuk seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat pertama	Sebaik-baiknya memanjangkan kadar rukuk seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat kedua
Qiam	Surah al-Fatihah dan surah lain	
Rukuk Kedua	Sebaik-baiknya panjang rukuk seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat pertama untuk kali kedua	Sebaik-baiknya panjang rukuk seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat kedua untuk kali kedua
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam.		

5) Jelaskan dua perbandingan antara solat gerhana dan solat dhuha.

Solat Gerhana	Solat Dhuha
- 2 rakaat	- 2, 4, 6 atau 8 rakaat
- Dilakukan ketika berlakunya gerhana matahari atau bulan.	- Dilakukan selepas waktu syuruk hingga sebelum gelincir matahari.
- Digalakkan secara berjemaah.	- Digalakkan secara bersendirian
- Ada khutbah	- Tiada khutbah.

6) Jelaskan dua kepercayaan khurafat berkaitan dengan gerhana yang dilakukan oleh masyarakat di negara kita.

- Tidak boleh memasak semasa gerhana kerana kononnya akan menyebabkan penyakit pelik dari masakan tersebut.
- Semua jendela dan pintu di tutup dengan kertas kerana percayai cahaya gerhana merosakkan kulit dan kesan kesihatan.
- Wanita hamil dilarang keluar rumah kerana percaya bayi dalam kandungan menjadi cacat atau kulit keluar tanda-lahir

TINGKATAN 5 : SOLAT SUNAT ISTIKHARAH

1) Nyatakan maksud dan hukum Solat Sunat Istikharah.

PERKARA	SOLAT SUNAT ISTIKHARAH
Maksud	Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.
Hukum	Sunat

2) Terangkan kaifiat menunaikan Solat Sunat Istikharah.

Niat	<i>Lafaz Niat:</i> Maksud : Sahaja aku solat sunat Istikharah dua rakaat kerana Allah Taala	
Bilangan Rakaat	2 Rakaat	
Cara Pelaksanaan	Bersendirian	
Bacaan Dalam Solat	<i>Rakaat Pertama</i>	<i>Rakaat Kedua</i>
	Surah al-Fatihah	
	Surah al-Kafirun atau surah lain	Surah al-Ikhlash atau surah lain
Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam		
Berdoa dengan doa-doa yang sesuai		

3) Jelaskan hikmah menunaikan Solat Sunat Istikharah

- Meningkatkan keimanan kepada Allah kerana menjadikan Allah sebagai tempat pergantungan
- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah seperti kepada bomoh.

TINGKATAN 5 : SOLAT SUNAT TASBIH

1) Nyatakan maksud dan hukum Solat Sunat Tasbih.

PERKARA	SOLAT SUNAT TASBIH
Maksud	Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih sebanyak 300 kali pada keseluruhan solat.
Hukum	Sunat

2) **Jelaskan hikmah menunaikan Solat Sunat Tasbih.**

- Memberi ketenangan jiwa kerana banyak berzikir kepada Allah SWT
- Mendapat keampunan kerana mengamalkan Sunnah Rasulullah SAW
- Meraih ganjaran yang besar daripada Allah SWT kerana banyak bertasbih

3) **Terangkan kaifiat menunaikan Solat Sunat Tasbih**

Kaifiat Solat Sunat Tasbih dengan satu salam.

Niat	<p>Lafaz Niat Empat Rakaat : (4 Rakaat 1 Salam) أَصَلِّي سُنَّةَ التَّسْبِيحِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى</p> <p>Maksud : Sahaja aku solat sunat Tasbih 4 rakaat kerana Allah Taala</p>			
Bilangan Rakaat	4 rakaat dengan satu salam sekiranya dilakukan pada waktu siang			
Cara Pelaksanaan	Bersendirian atau berjemaah			
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua	Rakaat Ketiga	Rakaat Keempat
	Surah al-Fatihah			
	<ul style="list-style-type: none"> • Surah al-Kafirun atau surah lain • Bertasbih sebanyak 15 kali 	<ul style="list-style-type: none"> • Surah al-Ikhlash atau surah lain • Bertasbih sebanyak 15 kali 	Bertasbih sebanyak 15 kali	Bertasbih sebanyak 15 kali
	Rukuk – Bertasbih sebanyak 10 kali			
	I'tidal – Bertasbih sebanyak 10 kali			
	Sujud – Bertasbih sebanyak 10 kali			
	Duduk antara dua sujud – Bertasbih sebanyak 10 kali			
	Sujud kedua – Bertasbih sebanyak 10 kali			
	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua	Rakaat Ketiga	Rakaat Keempat
	Duduk istirahat sebelum bangun untuk rakaat kedua, bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk Tasyahud Awal dan membaca Tahiyat. Bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk istirahat sebelum bangun untuk rakaat keempat, bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk Tasyahud Akhir dan membaca Tahiyat. Bertasbih sebanyak 10 kali
Memberi salam				

Kaifiat Solat Sunat Tasbih dengan dua salam.

Niat	<p>Lafaz Niat Dua Rakaat : (4 Rakaat 2 Salam)</p> <p style="text-align: center;">أُصَلِّي سُنَّةَ التَّسْبِيحِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى</p> <p>Maksud : Sahaja aku solat sunat Tasbih 2 rakaat kerana Allah Taala</p>	
Bilangan Rakaat	4 rakaat dengan dua salam sekiranya dilakukan pada waktu malam	
Cara Pelaksanaan	Bersendirian atau berjemaah	
Bacaan Dalam Solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah al-Fatihah	
	<ul style="list-style-type: none"> Surah al-Kafirun atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali 	<ul style="list-style-type: none"> Surah al-Ikhlas atau surah lain Bertasbih sebanyak 15 kali
	Rukuk – Bertasbih sebanyak 10 kali	
	I'tidal – Bertasbih sebanyak 10 kali	
	Sujud – Bertasbih sebanyak 10 kali	
	Duduk antara dua sujud – Bertasbih sebanyak 10 kali	
	Sujud kedua – Bertasbih sebanyak 10 kali	
	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Duduk istirahat sebelum bangun untuk rakaat kedua, bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk Tasyahud Awal dan membaca Tahiyat. Bertasbih sebanyak 10 kali
Memberi salam		

TINGKATAN 5 : PERKAHWINAN

1) Apakah maksud Perkahwinan?

- Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.

2) Jelaskan hukum berkahwin berserta huraian nya.

HARUS	Tiada desakan atau halangan untuk berkahwin.
SUNAT	Mempunyai keinginan untuk berkahwin dan mampu menyediakan nafkah zahir dan batin
WAJIB	Bimbang akan terjerumus ke dalam kemaksiatan sekiranya tidak berkahwin dan mampu untuk memberikan nafkah zahir dan batin
MAKRUH	Mempunyai keinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu memberikan nafkah untuk pasangan seperti menghidap mati pucuk atau berpenyakit
HARAM	Bertujuan untuk menzalimi atau memudaratkan pasangan

3) **Jelaskan hikmah perkahwinan dalam Islam.**

- Memenuhi tuntutan batin yang merupakan fitrah manusia.
- Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang.
- Mewujudkan ketenangan jiwa melalui hubungan cinta yang halal.

4) **Jelaskan golongan wanita yang haram dikahwini.**

Golongan Wanita Yang Haram Dikahwini			
Haram Selama-lamanya			Haram Sementara
1) Keturunan	2) Penyusuan	3) Persemendaan	
<ul style="list-style-type: none"> • Ibu • Nenek dan ke atas • Anak perempuan • Cucu perempuan • Adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu • Anak perempuan daripada adik-beradik lelaki atau adik-beradik perempuan sama ada seibu sebapa atau sebapa atau seibu • Ibu saudara • Nenek saudara 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu susuan • Ibu bagi ibu susuan dan ke atas • Ibu bagi suami ibu susuan dan ke atas • Anak-anak ibu susuan • Adik-beradik susuan • Anak saudara daripada adik-beradik susuan • Adik-beradik ibu susuan • Adik-beradik bagi suami ibu susuan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tiri dan ke atas • Ibu mertua (nasab atau susuan) • Anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi • Menantu perempuan dan ke bawah 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengahwini perempuan yang ada hubungan nasab dengan isteri dalam satu masa • Perempuan yang masih isteri orang • Perempuan musyrik sehingga dia masuk Islam • Isteri yang telah ditalak tiga sebelum dia berkahwin dan disetubuhi, kemudian bercerai dan habis tempoh idah dengan suami baharu.

5) **Nyatakan rukun nikah.**

- | | |
|--|-----|
| i) Bakal Suami | (S) |
| ii) Bakal Isteri | (I) |
| iii) Dua orang Saksi | (S) |
| iv) Wali | (W) |
| v) Lafaz Akad nikah (Sighah), iaitu ijab dan kabul | (A) |



6) **Jelaskan syarat bagi setiap rukun nikah.**

1	Bakal Suami
---	-------------

Maksud Suami	Lelaki yang dikahwini oleh seseorang perempuan	
Syarat Bakal Suami	1	Islam
	2	Lelaki yang telah dikenalpasti
	3	Bukan mahram kepada bakal isteri seperti mahram nasab, penyusuan atau persemendaan
	4	Tidak dalam keadaan ihram Haji atau Umrah
	5	Tidak mempunyai empat orang isteri pada satu masa

2

Bakal Isteri

Maksud Isteri	Perempuan yang dikahwini oleh seseorang lelaki.	
Syarat Bakal Isteri	1	Islam
	2	Perempuan yang telah dikenalpasti
	3	Bukan mahram kepada bakal suami seperti mahram nasab, penyusuan atau persemendaan
	4	Bukan dalam keadaan ihram Haji atau Umrah
	5	Bukan isteri orang atau dalam idah.

3

Wali

Maksud Wali	Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.			
Syarat Wali		Susunan Wali		
1) Islam		Wali Mujbir	1) Bapa	
2) Lelaki			2) Datuk sebelah bapa dan ke atas	
3) Baligh			3) Adik-beradik lelaki seibu sebapa	
4) Berakal			4) Adik-beradik lelaki sebapa	
5) Adil iaitu tidak melakukan dosa besar atau melakukan dosa kecil secara berterusan			5) Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki seibu sebapa	
6) Merdeka		6) Anak saudara lelaki daripada adik-beradik lelaki sebapa	Wali Bukan Mujbir	7) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki seibu sebapa
7) Tidak dalam keadaan ihram Haji atau Umrah		8) Anak lelaki kepada anak saudara lelaki sebapa		
8) Tidak dipaksa mewalikan		9) Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa		
9) Tiada penyakit yang mencacatkan pemikiran seperti nyanyuk atau gila		10) Bapa saudara sebelah bapa sebapa		
10) Mampu memelihara dan mengurus hartanya		11) Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa		
	12) Sepupu lelaki daripada bapa saudara sebelah bapa sebapa			
	13) Wali hakim			

Sebab-Sebab Perpindahan Wali Nasab Kepada Wali Hakim

a)

- Anak tidak sah taraf
- Tidak mempunyai wali nasab
- Wali dalam ihram haji atau umrah
- Wali hilang dan tidak dapat dikesan
- Wali enggan mewalikan pernikahan

b) **Jelaskan dua syarat yang membolehkan wali mujbir mengahwinkan anak gadisnya tanpa meminta izin gadis tersebut.**

- Bakal suami sekufu dengan anaknya
- Tidak ada permusuhan antara anak dengan bapa

4 Dua orang saksi

Maksud Saksi	Orang yang menyaksikan dan boleh mengesahkan akad nikah	
Syarat Saksi	1	Islam
	2	Lelaki
	3	Baligh
	4	Berakal
	5	Adil
	6	Pendengaran yang baik
	7	Penglihatan yang baik
	8	Merdeka

5 Lafaz akad nikah (Sighah)

Maksud Akad Nikah (Sighah)	Ijab : Lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya Kabul : Lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya Contoh lafaz : Ijab : “Aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku Kabul : “Aku terima nikahnya anak perempuanmu”	
Syarat Lafaz Akad Nikah (Sighah)	1	Menggunakan lafaz “kahwin” atau “nikah” atau terjemahan yang tepat daripada kedua-duanya.
	2	Lafaz ijab dan kabul hendaklah jelas dan bukan secara kiasan
	3	Ijab dan kabul hendaklah berturutan dan tidak diselangi dengan perkataan lain.
	4	Lafaz akad nikah hendaklah berkuatkuasa serta-merta kesannya
	5	Kelayakan wali dan bakal suami berkekalan sehingga selesai akad
	6	Tidak dibataskan dengan tempoh masa



SPEKTRUM ILMU

Contoh lafaz akad yang tidak sah

1

Lafaz akad nikah yang kesannya tertanggung pada masa hadapan: Wali melafazkan “Apabila tiba bulan Ramadhan, aku kahwinkan engkau dengan anak perempuanku”

2

Lafaz taklik : Wali melafazkan “Sekiranya anak perempuanku berjaya dalam peperiksaan, aku kahwinkan engkau dengannya”

3

Wali pengsan setelah melafazkan ijab dan sebelum bakal suami melafazkan kabul.

7) Jelaskan ciri-ciri pemilihan calon suami isteri

- Sekufu
- Akhlak yang baik
- Pasangan yang sihat
- Keturunan yang baik
- Rupa paras yang baik
- Penghayatan agama yang baik

8) Nyatakan maksud kufu dan aspeknya.

Maksud Kufu	Persamaan taraf lelaki dan perempuan daripada pelbagai aspek
Aspek / Ciri-ciri Sekufu	Agama dan kesolehan
	Pekerjaan
	Keturunan
	Keilmuan

9) Jelaskan maksud “beragama” bagi seorang isteri.

- Beriman / bertakwa kepada Allah dan Rasul
- Mempunyai ilmu khususnya ilmu agama
- Mengamalkan akhlak mulia
- Berpakaian menutup aurat

10) Jelaskan dua hikmah mengutamakan agama dalam memilih bakal suami dan isteri. Jelaskan dua alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama.

- Supaya anak-anak berakhlak mulia
- Rumah tangga akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat
- Dapat mendidik keluarga ke arah didikan Islam



MERISIK DAN MEMINANG

11) Apakah maksud Merisik dan Meminang?

Maksud Merisik	Proses sebelum meminang untuk mengenalpasti status bakal isteri
Maksud Meminang	Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat.

12) **Mempinang boleh dilakukan dengan dua cara. Nyatakan dua cara tersebut.**

1	Cara Berterus-terang	Contoh lafaz : “Aku ingin mengahwini kamu”
2	Cara Kiasan	Contoh lafaz : “Saya ingin memetik bunga di taman”

13) **Nyatakan hukum melihat perempuan yang hendak dipinang dan bahagian anggota yang harus dilihat.**

Hukum melihat perempuan yang hendak dipinang		Sunat
Anggota yang harus dilihat	1) Muka 	2) Kedua tapak tangan 

14) **Nyatakan tujuan / hikmah dibenarkan melihat bakal isteri.**

- Supaya berpuas hati dengan pilihan yang telah dibuat
- Untuk mengelak berlakunya penipuan

15) **Jelaskan batas pergaulan dalam tempoh pertunangan.**

- Haram / dilarang bergaul bebas
- Haram / dilarang berdua-duaan tanpa mahram
- Pergaulan masih sebagai orang asing (ajnabi)

16) **Jelaskan dua syarat mempinang.**

- Perempuan yang belum dipinang orang
- Bukan isteri orang
- Tidak dalam idah
- Bukan mahram kepada bakal suami

17) **Dua kebiasaan proses mempinang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Malaysia yang tidak bertentangan dengan syarak.**

- Pihak lelaki menghadiahkan sebentuk cincin emas yang dipanggil cincin tunang.
- Pihak lelaki memberi beberapa hadiah iringan berupa baju, kasut dan lain-lain.
- Pihak perempuan membalas pemberian pihak lelaki.



MAHAR

18) **Apakah maksud Mahar, hukum mahar, hukum menyebut mahar, kadar mahar dan bentuk mahar?**

Maksud Mahar	Pemberian yang bernilai atau berfaedah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.
Hukum Mahar	Wajib
Hukum Menyebut Mahar	Sunat
Kadar Mahar	Mahar tidak mempunyai kadar tertentu dan tidak semestinya dalam bentuk tunai.
Bentuk Mahar	Sesuatu yang menilai atau berfaedah, sah dijadikan mahar seperti duit dan emas.

19) Nyatakan jenis-jenis mahar.

Mahar Misil	Mahar Musamma
<ul style="list-style-type: none">Mahar yang ditentukan kadarnya mengikut kadar mahar saudara-saudara perempuan pihak isteri.	<ul style="list-style-type: none">Mahar yang ditentukan kadarnya dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

20) Jelaskan hikmah mahar.

- Melahirkan keikhlasan suami isteri atas perkongsian hidup
- Memulia dan mengiktiraf kedudukan kaum wanita
- Sebagai tanda kesanggupan suami membina rumahtangga



WALIMATUL 'URUS

21) Apakah maksud Walimatul 'Urus?

Maksud Walimatul 'Urus	Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
Hukum	Sunat Muakkad
Hukum Memenuhi Undangan Walimah	Fardu 'ain

22) Jelaskan tujuan pensyariatan walimatul 'urus.

- Merapatkan hubungan silaturrahim
- Mensyukuri nikmat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan
- Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk menghindarkan sebarang fitnah

23) Jelaskan adab yang perlu dijaga semasa walimatul 'urus.

- Tuan rumah tidak mengkhhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja
- Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan

24) Jelaskan dua perkara yang dilarang ketika mengadakan walimatul 'urus.

- Mengadakannya dengan tujuan untuk bermegah-megah
- Pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan ajnabi
- Mengadakan hiburan yang melalaikan atau acara yang bertentangan Islam

TINGKATAN 5 : KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN

1) Jelaskan tanggungjawab suami terhadap isteri dan keluarga.

- Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan
- Memberikan ilmu pengetahuan dan didikan agama secukupnya kepada isteri dan anak-anak
- Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri

2) **Jelaskan tanggungjawab isteri terhadap suami**

- Menjaga kemuliaan, maruah dan harta suami
- Mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah.
- Melakukan perkara yang menyenangkan hati suami
- Mentaati perintah suami selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak

3) **Jelaskan tanggungjawab suami isteri dari segi akidah, ibadat, akhlak.**

Tanggungjawab Suami Isteri		
Dari Segi Akidah	Dari Segi Ibadat	Dari Segi Akhlak
<ul style="list-style-type: none">• Memelihara akidah keluarga daripada sebarang fahaman yang sesat• Memupuk asas ketakwaan yang mantap kepada anggota keluarga	<ul style="list-style-type: none">• Memelihara anggota keluarga daripada amalan yang menyeleweng• Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadat	<ul style="list-style-type: none">• Menunjukkan akhlak yang mulia agar menjadi contoh dalam keluarga• Menegur anggota keluarga yang melakukan kemungkaran

4) **Jelaskan cara mengatasi kes pengabaian tanggungjawab dalam rumah tangga.**

- Memberi penerangan/ nasihat tentang dosa mengabaikan tanggungjawab
- Persediaan dari aspek ekonomi *seperti* mempunyai pendapatan yang stabil.
- Sentiasa menuntut ilmu yang berkaitan rumah tangga *supaya* dapat mendidik isteri dan anak-anak.

5) **Senaraikan kepentingan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab kepada anak.**

- Anak-anak dapat didikan yang sempurna
- Lahir anak-anak yang berakhlak mulia
- Anak-anak mendapat kasih sayang

6) **Apakah kesan/implikasi pengabaian tanggungjawab kepada anak/ keluarga.**

- Melahirkan generasi yang tidak berakhlak mulia
- Anak-anak hidup terbiar
- Anak-anak membesar tanpa kasih sayang

7) **Terangkan persiapan yang perlu dilakukan oleh bakal suami untuk menjamin kebahagiaan rumahtangga.**

- Menuntut ilmu yg berkaitan rumah tangga *supaya* dapat mendidik isteri & anak-anak.
- Persediaan dari aspek ekonomi *seperti* mempunyai pendapatan yang stabil.

TINGKATAN 5 : ISU-ISU DALAM PERKAHWINAN

1) **Senaraikan bentuk/jenis pembubaran perkahwinan dalam Islam.**

- Talak
- Fasakh
- Khuluk
- Li'an

2) Senaraikan isu-isu berkaitan dengan perkahwinan.

- Idah - Hadhanah
- Rujuk - Anak Angkat
- Nusyuz
- Poligami



PEMBUBARAN PERKAHWINAN

1	TALAK
Maksud	Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan
Hukum Talak	Harus
Contoh Lafaz	1) Jelas : (“Aku ceraikan engkau”) 2) Kiasan : (“Aku lepaskan engkau mulai hari ini”)
Jenis-jenis Talak	1) Talak Raj’ie : Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu. 2) Talak Bain : Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu.

a) Nyatakan hukum-hukum talak berserta huraianya.



SPEKTRUM ILMU

HUKUM TALAK DAN HURAIANNYA	
HARUS	Hukum asal talak ialah Harus iaitu syarak memberikan kebenaran untuk pasangan suami isteri membubarkan perkahwinan kerana sebab-sebab yang munasabah.
WAJIB	Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah.
SUNAT	Apabila isteri berakhlak buruk.
MAKRUH	Apabila suami menceraikan isteri yang berkelakuan baik atau menceraikan isteri tanpa sebab.
HARAM	Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid atau 46etika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak.

b) Nyatakan jenis-jenis talak dari aspek hukum dan kesan.

Jenis-Jenis Talak Dari Aspek Hukum	Jenis-Jenis Talak Dari Aspek Kesan
TALAK SUNNI : Ikut peraturan syarak seperti menceraikan talak 1 atau 2 ketika isteri suci dari haid, nifas dan tidak disetubuhi semasa suci	TALAK BAIN : Talak yang tidak boleh rujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar baru
TALAK BID'IE : Tidak ikut syarak seperti menceraikan talak 3 sekaligus, cerai ketika isteri haid, nifas, hamil, ketika suci dan disetubuhi	TALAK RAJ'IE : Talak 1 dan 2 belum tamat Iddah suami boleh rujuk tanpa akad dan mahar baru

c) Jelaskan dua sebab Islam melarang perbuatan talak ketika isteri hamil.

- Isteri hilang tempat mengadu
- Menimbulkan perasaan sedih / emosi terganggu kepada isteri
- Merenggangkan hubungan antara bapa dengan bayi yang akan lahir

d) Apakah maksud talak taklik?

- Talak yang disandarkan kepada sesuatu syarat.

e) Terangkan dua sebab talak tidak digalakkan dalam Islam.

- Memutuskan silaturrahim antara keluarga
- Menjatuhkan imej umat islam kerana berlaku pengabaian dalam rumahtangga
- Anak-anak terlibat dengan masalah sosial kerana hidup terabai

f) Jelaskan dua hikmah talak.

- Memberi peluang kepada pasangan untuk memulakan hidup baru
- Boleh mengurangkan tekanan perasaan
- Memberi pengajaran pahit kepada suami isteri

2	FASAKH
Maksud	Pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu.
Hukum Fasakh	Harus isteri memohon fasakh
Contoh Sebab Faskh	<p>Isteri memohon fasakh kerana suami sering memukul hingga menyebabkan kecederaan fizikal.</p> <p>Sebab-sebab lain fasakh :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Suami tidak memberi nafkah 2) Suami berpenyakit seperti mati pucuk, kusta, AIDS, sopak. 3) Suami hilang <ul style="list-style-type: none"> • 6 bulan – Mazhab Hanbali • 1 tahun – Mazhab Maliki • 4 tahun – Mazhab Syafi'e 4) Suami murtad

a) Jelaskan kesan fasakh kepada suami isteri.

- Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh idah.
- Mereka boleh berkahwin semula dengan akad nikah dan mahar yang baru.
- Isteri tidak berhak mendapat nafkah dalam tempoh iddah

b) Jelaskan dua perbezaan antara fasakh dan talak.

TALAK	FASAKH
Cara cerai : lafaz talak	Mahkamah syariah
Gugur tanpa sebab	Gugur dengan sebab.
Hak suami	Hak suami dan isteri

c) Jelaskan dua hikmah fasakh.

- Memberi peluang kepada isteri membatalkan ikatan perkahwinan
- Mengelakkan isteri dari terus didera
- Menyelamatkan akidah isteri

3	KHULUK	
Maksud	Pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami.	
Hukum Khuluk	Harus	
Contoh Khuluk	Mahkamah meluluskan permohonan khuluk atas permintaan isteri dengan memulangkan bayaran mahar kepada suami.	
Contoh Bayaran Ganti Rugi	• Wang tunai	• Perak
	• Hartanah	• Saham
	• Emas	• Manfaat
	• Apa-apa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak	

a) Nyatakan hikmah disyariatkan khuluk dan kesan khuluk.

Hikmah Disyariatkan Khuluk	Kesan Khuluk
<ul style="list-style-type: none"> • Penghormatan kepada isteri supaya boleh bertindak mengikut undang-undang syarak • Isteri dapat melepaskan diri daripada ikatan perkahwinan • Mengelak berlakunya nusyuz 	<ul style="list-style-type: none"> • Runtuhnya sebuah institusi keluarga • Isteri tidak berhak mendapat nafkah semasa iddah • Anak-anak akan terjejas kasih sayang dan perhatian ibubapanya.

b) Nyatakan tiga faktor yang mendorong isteri mengambil keputusan bercerai secara khuluk.

- Bertemu dengan lelaki pilihan
- Suami yang tidak bertanggungjawab
- Suami tidak mahu menceraikannya secara biasa

4	LI'AN
Maksud Li'an	Lafaz sumpah suami apabila menuduh isterinya berzina tanpa ada empat orang saksi atau menafikan nasab.
Hukum Li'an	Wajib untuk mengelakkan suami daripada hukuman qazaf
Cara Suami Melakukan Li'an	<ul style="list-style-type: none"> • Suami melafazkan di hadapan hakim : "Aku bersaksi bahawa tuduhan ke atas isteriku adalah benar. Tuduhan zina yang aku lemparkan kepada isteriku yang bernama dan anak ini (jika isteri mempunyai anak zina, ataupun sedang mengandung) ialah anak zina dan bukan daripada zuriatku. • Lafaz ini diulang sebanyak 4 kali. Sekiranya isteri ada bersama-sama maka suami hendaklah menunjuk dengan tangannya ke arah isteri. • Pada kali kelima, hakim akan memberikan peringatan kepadanya tentang bahaya berdusta, suami hendaklah berkata : "Sesungguhnya laknat Allah SWT akan menimpaku sekiranya aku terdiri daripada orang-orang yang berdusta".
Cara Isteri Melakukan Li'an	<ul style="list-style-type: none"> • Isteri melafazkan di hadapan hakim : "Aku bersaksi dengan nama Allah SWT bahawa (nama suami) orang yang berdusta tentang tuduhan zinanya terhadapku." • Lafaz ini diulang sebanyak 4 kali. • Pada kali yang kelima, isteri hendaklah berkata : "Kemurkaan Allah SWT akan menimpaku, jika tuduhan suamiku benar."
Kesan Li'an	<ol style="list-style-type: none"> 1) Suami isteri tidak boleh rujuk selama-lamanya. 2) Anak tidak boleh dinasabkan kepada suami dan tidak berhak mendapat nafkah dan mewarisi pusaka daripada ayahnya.

a) Jelaskan dua sebab berlakunya li'an.

- Suami menuduh isterinya berzina tanpa membawa 4 orang saksi untuk membenarkan tuduhan tersebut.
- Suami menafikan kandungan isterinya.
- Suami menafikan anak yang dilahirkan oleh isterinya.

b) Nyatakan kesan perbuatan li'an.

- Suami isteri terpisah
- Suami isteri tidak boleh rujuk selama-lamanya.

c) Jelaskan dua hikmah disyariatkan li'an sebagai salah satu penyelesaian rumah tangga.

- Suami dapat mencari jalan penyelesaian yang adil dan diredhai Allah
- Isteri dapat membersihkan maruahnya melalui sumpah li'an
- Suami dapat mendedahkan kecurangan isteri



ISU-ISU PERKAHWINAN

1	'IDAH													
Maksud	Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.													
Hukum	Wajib													
Tempoh 'Idah	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Situasi</th> <th>Bercerai Hidup</th> <th>Bercerai Mati</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Belum putus haid</td> <td>3 kali suci</td> <td rowspan="3">4 bulan 10 hari</td> </tr> <tr> <td>Telah putus haid</td> <td>3 bulan hijrah</td> </tr> <tr> <td>Belum pernah disetubuhi</td> <td>Tiada 'idah</td> </tr> <tr> <td>Sedang hamil</td> <td colspan="2">Sehingga melahirkan anak</td> </tr> </tbody> </table>	Situasi	Bercerai Hidup	Bercerai Mati	Belum putus haid	3 kali suci	4 bulan 10 hari	Telah putus haid	3 bulan hijrah	Belum pernah disetubuhi	Tiada 'idah	Sedang hamil	Sehingga melahirkan anak	
	Situasi	Bercerai Hidup	Bercerai Mati											
	Belum putus haid	3 kali suci	4 bulan 10 hari											
	Telah putus haid	3 bulan hijrah												
	Belum pernah disetubuhi	Tiada 'idah												
Sedang hamil	Sehingga melahirkan anak													
Larangan Semasa 'Idah	1) Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan													
	2) Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak.													
	3) Berhias diri kecuali wanita yang dalam 'idah raj'ie													

a) Jelaskan sebab-sebab perbezaan tempoh jenis-jenis 'idah.

a) Iddah Bagi Perempuan Bercerai Hidup	Membersihkan rahim perempuan daripada benih hasil perhubungan dengan bekas suami.
b) Iddah Bagi Perempuan Yang Tercerai Mati	Sebagai tanda perkabungan dan kesedihan
c) Iddah Bagi Perempuan Yang Belum Disetubuh	Tiada beriddah kerana rahimnya bersih daripada benih suami
d) Iddah Bagi perempuan hamil tempoh hingga melahirkan anak	Cukup untuk menumpukan perhatian kepada penjagaan kesihatan dan kandungan

b) Terangkan dua hikmah 'idah.

- Memberi peluang kepada suami isteri untuk berfikir dan menyesal di atas perbuatannya
- Memastikan isteri tidak hamil dengan bekas suaminya untuk mengelak daripada berlaku percampuran keturunan
- Memberi penghormatan kepada suami yang meninggal demi menjaga perasaan keluarganya terutama isteri

2	RUJUK
Maksud	Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isterinya yang diceraikan dalam tempoh 'idah.
Hukum	Harus
Contoh	Suami berkata kepada isterinya : " Aku rujuk engkau untuk kembali ke pangkuanku"
Syarat-syarat Rujuk	1) Dengan kerelaan sendiri
	2) Bukan perceraian kerana fasakh atau khuluk.
	3) Bukan diceraikan dengan talak tiga
	4) Isteri yang diceraikan masih dalam tempoh 'idah
	5) Ada lafaz yang menunjukkan rujuk.

a) Nyatakan rukun rujuk.

- Orang yang merujuk iaitu suami atau wakilnya.
- Orang yang dirujuk iaitu isteri.
- Lafaz rujuk

b) Jelaskan dua kesan rujuk

- Anak dan keluarga gembira dan bahagia.
- Memberi ketenangan jiwa selepas kehilangan kasih sayang.
- Suami isteri dapat peluang memperbaiki kelemahan masing-masing.

c) Terangkan dua hikmah rujuk daripada aspek kekeluargaan.

- Dapat menyatukan semula hubungan **antara** suami isteri
- Dapat mengembalikan keharmonian keluarga **yang** pernah terjalin
- Dapat merapatkan hubungan kasih sayang **antara** anak-anak dan ibu bapa.
- Dapat memberi ketenteraman jiwa **kepada** semua pihak termasuk anak-anak

3	NUSYUZ
Maksud	Keengganan isteri mentaati perintah atau permintaan suami yang sah.
Hukum	Haram
Contoh	Isteri enggan mematuhi perintah suaminya supaya menunaikan solat dan berpuasa. Contoh-contoh lain perbuatan nusyuz : 1. Isteri enggan melayan suami ke tempat tidur (bersetubuh) tanpa keuzuran. 2. Keluar rumah tanpa izin suami dengan tiada sebab yang munasabah. 3. Melakukan kekerasan sama ada dengan perkataan atau perbuatan kepada suami. 4. Ingkar perintah suami yang tidak bercanggah dengan syarak.

a) Jelaskan sebab-sebab nusyuz.

- Ingin hidup bebas
- Lemah iman dalam diri
- Kurang didikan agama/Jahil
- Perasaan cemburu yang keterlaluan
- Terpengaruh dengan rakan/masyarakat
- Leka dengan hiburan dan keseronokan dunia

b) Jelaskan langkah-langkah mendidik isteri yang nusyuz.

- i) Menasihati / Menegur dengan hikmah dan didikan agama
- ii) Mengasingkan tempat tidur
- iii) Memukul dengan tujuan mendidik

c) Jelaskan dua syarat memukul isteri

- Tidak keterlaluan hingga mencederakan
- Tidak memukul pada bahagian sensitif
- Memukul dengan tujuan mengajar
- Memukul dengan alat yang tidak bahaya

d) Jelaskan dua akibat daripada perbuatan nusyuz terhadap isteri.

- Isteri dimurkai Allah
- Isteri kehilangan hak dan keadilan
- Membawa fitnah kepada isteri

e) Jelaskan dua kesan buruk nusyuz terhadap suami.

- Suami akan merasa tercabar / hilang pertimbangan
- Suami akan bertindak kasar terhadap isteri
- Suami akan menjatuhkan talak ke atas isteri

4	POLIGAMI
Maksud	Amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.
Hukum	Harus
Kelayakan Berpoligami	1) Tidak melebihi empat orang isteri 2) Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti pakaian dan tempat tinggal. 3) Mampu memberi nafkah zahir dan batin

a) Adil adalah antara syarat poligami.

Nyatakan maksud adil dalam poligami.

- Adil dari segi nafkah zahir / seperti makanan, pakaian, tempat tinggal & giliran bermalam.

b) Jelaskan dua kesan poligami yang tidak menurut peraturan Islam.

- Berlaku pergaduhan antara suami isteri
- Rumah tangga tidak bahagia
- Anak-anak terbiar / kurang kasih sayang

c) Jelaskan dua hikmah poligami diharuskan dalam Islam.

- Menyambung keturunan / zuriat
- Membela anak yatim.
- Mengelakkan diri daripada maksiat

d) Jelaskan amalan berpoligami yang dapat memberikan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

- Semua isteri berpuas hati mendapat hak masing-masing dengan adil.
- Anak-anak mendapat perhatian dan kasih sayang sewajarnya.

e) Pada pendapat anda, mengapakah masih ramai dalam kalangan isteri yang tidak bersetuju dan menentang keras sekiranya mereka dimadukan?

- Iman yang kurang mantap
- Kurang ilmu berkaitan dengan poligami
- Bimbang hak mereka diabaikan.
- Tidak mahu berkongsi kasih sayang dan harta.

5	HADHANAH
Maksud	Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan diri sendiri.
Hukum	Wajib

Ibu ialah orang yang paling berhak untuk menjaga anak selepas perkahwinannya dibubarkan.

Sebab gugur hak hadhanah :

- 1) Berkahwin dengan lelaki lain yang tiada pertalian nasab
- 2) Berkelakuan buruk
- 3) Pindah kediaman bagi elak bapa menziarahi anak
- 4) Cuai / menganiaya anak
- 5) Murtad

a) Senaraikan syarat-syarat orang yang mendapat hak hadhanah.

- Islam - Sempurna akal
- Dewasa - Berakhlak mulia & menjaga kehormatan diri

b) Jelaskan dua sebab mengapa ibu diberi keutamaan dalam mendapat hak hadhanah.

- Menyempurnakan penyusuan
- Lebih bersifat kasih sayang
- Syurga di bawah tapak kaki ibu

c) Senaraikan golongan yang dapat hak hadhanah jika ibu hilang kelayakan mengikut urutan.

- i) Nenek sebelah ibu atau ke atas
- ii) Bapa
- iii) Nenek sebelah bapa ke atas
- iv) Saudara perempuan seibu sebapa, seibu, sebapa.

6	ANAK ANGKAT
Maksud	Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak.
Hukum	Harus

a) Jelaskan peraturan mengambil anak angkat.

- Tidak boleh mewarisi HARTA PUSAKA
- Haram memBIN anak angkat kepada bapa angkat
- Batas-batas pergaulan WAJIB dijaga
- Anak angkat TAK BOLEH JADI WALI NIKAH atau mewalikan

b) Jelaskan dua hikmah dilarang menasabkan anak angkat kepada bapa angkat.

- Mengiktiraf keluarga bapa kandung
- Menjaga aurat & batas-batas pergaulan
- Memelihara harta pusaka bapa kandung

c) Nyatakan dua hikmah mengambil anak angkat .

- Mendapat pahala dan keredaan Allah SWT
- Meringankan beban hidup bagi keluarga anak angkat yang miskin.
- Jalan penyelesaian bagi pasangan yang tidak punyai zuriat



SPEKTRUM ILMU

HAK	ANAK KANDUNG	ANAK ANGKAT
Nafkah dan kebajikan	✓	✓
Harta hibah	✓	✓
Harta wasiat	✓	✓
Pewarisan harta pusaka (Faraid)	✓	X
Wali dalam perkahwinan	✓	X
Nasab	✓	X

3) Jelaskan implikasi/kesan perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam.

- Kesukaran mendaftarkan kelahiran anak untuk mendapatkan sijil kelahiran
- Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak.
- Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah untuk membuat sebarang tuntutan seperti hadhanah dan harta pusaka jika berlaku kematian suami.

Pengurusan pernikahan seluruh Malaysia tertakluk kepada akta, enakmen dan ordinan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri.

TINGKATAN 5 : FARAID DALAM ISLAM

1) Nyatakan maksud Faraid dan hukumnya.

Maksud Faraid	Pembahagian harta seseorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syarak.
Hukum Faraid	Wajib

2) Siapakah sahabat Rasulullah SAW yang pakar dalam bidang faraid?

- Zaid Bin Sabit

3) Senaraikan rukun faraid.

- Orang yang mewariskan harta
- Waris
- Harta pusaka

4) Jelaskan dua hikmah pensyariaan faraid.

- Mengekalkan kasih sayang dalam kalangan anggota keluarga.
- Menegakkan keadilan bagi pihak waris supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab
- Mengelakkan berlaku pergaduhan dalam pembahagian harta yang menjejaskan kebahagiaan dalam keluarga


5) Nyatakan syarat sah faraid.

SYARAT SAH FARAID		
Orang Yang Mewariskan Harta	1	Kematian telah disahkan. Sekiranya kematian belum disahkan, pembahagian harta tidak dibenarkan.
Waris	1	Waris masih hidup
	2	Mengetahui status hubungan dengan si mati.
Harta Pusaka	1	Harta yang dimiliki oleh si mati. Sekiranya harta pusaka tidak dimiliki oleh si mati, pembahagiannya tidak sah.

6) Nyatakan jenis waris

Jenis Waris	1	Ashab al-Furud : Waris yang menerima harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak
	2	'Asabah : Waris yang menerima baki harta pusaka selepas dibahagikan kepada Ashab Al-Furud

7) Nyatakan jenis 'asabah



8) Jelaskan cara pembahagian harta pusaka.

BAPA	
1/6	Sekiranya mempunyai anak lelaki
'Asabah	Sekiranya tiada anak
1/6 dan 'Asabah	Sekiranya mempunyai anak perempuan sahaja

IBU	
1/3	Sekiranya tiada anak atau terdapat hanya seorang saudara lelaki atau perempuan
1/6	Sekiranya mempunyai anak atau terdapat dua atau lebih saudara lelaki atau perempuan
1/3	Daripada baki sekiranya hanya mempunyai ibu, ayah, suami atau isteri

SUAMI	
1/2	Sekiranya tiada anak
1/4	Sekiranya mempunyai anak

ISTERI	
1/4	Sekiranya tiada anak
1/8	Sekiranya mempunyai anak

ANAK LELAKI
Seluruh harta sekiranya tiada waris yang lain ('Asabah Bin-Nafs)

ANAK PEREMPUAN	
1/2	Sekiranya anak tunggal perempuan
2/3	Sekiranya terdapat dua atau lebih anak perempuan
'Asabah Bil-Ghair	Sekiranya mempunyai anak lelaki

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

SIRAH & TAMADUN ISLAM

TINGKATAN 4 : KERAJAAN KHULAFAH' AR-RASYIDIN

1) Senaraikan era pemerintahan kerajaan Islam.

1	Zaman Rasulullah SAW
Tempoh :	1H - 11H (622M - 632M)
Pusat Pemerintahan :	Madinah
Pemimpin/Khalifah :	Rasulullah SAW
2	Zaman Khulafa' Ar-Rasyidin
Tempoh :	11H - 40H (632M - 661M)
Pusat Pemerintahan :	Madinah
Pemimpin/Khalifah :	1) Saidina Abu Bakar as-Siddiq 2) Saidina Umar bin al-Khattab 3) Saidina Uthman bin Affan 4) Saidina Ali bin Abi Talib
3	Zaman Kerajaan Umayyah
Tempoh :	41H - 132H (661M - 750M)
Pusat Pemerintahan :	Damsyik
Pemimpin/Khalifah Yang Terkenal :	<ul style="list-style-type: none">• Muawiyah bin Abi Sufian• Abdul Malik bin Marwan• Al-Walid bin Abdul Malik• Umar bin Abdul Aziz
4	Zaman Kerajaan Abbasiah
Tempoh :	132H - 656H (750M - 1258M)
Pusat Pemerintahan :	Baghdad
Pemimpin / Khalifah Yang Terkenal : (SPM)	<ul style="list-style-type: none">• Abu al- Abbas as- Saffah• Abu Jaa'far al- Mansur• Harun ar-Rasyid• Abu Jaa'far al- Makmun
5	Zaman Uthmaniah
Tempoh :	698H - 1341H (1299M - 1924M)
Pusat Pemerintahan :	Istanbul
Sultan Yang Terkenal :	<ul style="list-style-type: none">• Uthman Bin Ertughrul• Urkhan• Muhammad al-Fateh• Sulaiman al-Qanuni



Antara tahun 656 Hijrah hingga 698 Hijrah selepas kejatuhan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad, Kerajaan Abbasiyah diteruskan di **Mesir**

2) Jelaskan ciri kepimpinan Khulafa' Ar-Rasyidin.

ABU BAKAR AS-SIDDIQ R.A	
Tegas	Memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
Setia Dengan Arahan Rasulullah SAW	Meneruskan tindakan Rasulullah SAW untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai Panglima Angkatan Tentera Islam kepada Kerajaan (Ghassan) kerana telah membunuh utusan Rasulullah SAW.
Berpandangan Jauh	Mengarahkan Zaid bin Tsabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-Quran yang terdapat pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan kerana ramai penghafaz al-Quran terkorban dalam peperangan Yamamah.
Mengamalkan Syura	Mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan menentang tentera Rom , dengan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam.

(KLU : SSTP)

UMAR BIN AL-KHATTAB R.A.	
Tegas	Menggantikan kepimpinan Khalid bin al-Walid sebagai Panglima Angkatan Tentera Islam semasa Perang Yarmuk.
Adil	Memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa.
Berfikiran Terbuka	Bersedia ditegur Rasulullah SAW dan menerima pendapat daripada sahabatnya Abu Bakar as-Siddiq tentang pembebasan tawanan Perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat.
Cekap	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Majlis Syura dan beberapa jabatan baharu (Ad-Diwan) serta mengemas kini Baitul Mal bagi melicinkan pentadbiran negara. • Beliau juga membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang gabenor yang cekap seperti Muawiyah bin Abu Sufian dan Amru bin al-'As

(KLU : TTAC)

UTHMAN BIN AFFAN R.A.

Berpandangan Jauh	Menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Tsabit menggunakan lajah Arab Quraisy yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani demi memelihara kesucian al-Quran.
Berfikiran Terbuka	<ul style="list-style-type: none">• Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal• Beliau juga telah membenarkan sahabat keluar dari Kota Madinah.
Prihatin	<ul style="list-style-type: none">• Menyumbangkan harta & kekayaan untuk pertahankan negara.• Beliau juga membesarkan Masjid Nabawi untuk keperluan dan keselesaan umat Islam.
Inovatif	Menubuhkan Angkatan Tentera Laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir.

(KLU : BBIP)

ALI BIN ABI TALIB R.A.

Tegas	Memecat beberapa gabenor yang dilantik oleh Khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-Asy'ari untuk meredakan kemarahan puak pemberontak.
Berpandangan Jauh	Menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh Khalifah Utman bin Affan kerana keadaan negara yang masih huru-hara dan dikuasai oleh puak pemberontak.
Berilmu	Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang sehingga dilantik sebagai hakim di Yaman.
Berani	<ul style="list-style-type: none">• Menyertai hampir kesemua peperangan seperti Perang Badar dan Perang Khaibar serta berada di barisan hadapan.• Sanggup menerima jawatan Khalifah walaupun mengetahui bebanan yang bakal dihadapi.

(KLU : BBIT)

3) Terangkan iktibar pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin.

- Kita hendaklah menggiatkan usaha **dakwah** agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
- Kita hendaklah mengamalkan **akhlak** yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
- Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengukuhkan **perpaduan** umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain.

4) Jelaskan pencapaian pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin.

AGAMA (Berjaya Dakwah)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	Berjaya memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir, Parsi dan Rom.
POLITIK (Kuasa Wilayah Syura)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	Pembukaan wilayah baharu Islam disebahagian wilayah Iraq dan Syam.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menubuhkan majlis Syura , Jabatan Tentera, Jabatan Polis, Jabatan Percukaian dan Jabatan Perbendaharaan Negara.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Rom, Mesir dan Afrika Utara serta menawan pula Pulau Cyprus
EKONOMI (Cukai Jizyah Saliran Baitul Mal)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti Cukai Jizyah dan Kharaj. • Memajukan sistem pengairan dan saliran melalui pembinaan Terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Basrah. • Mengemaskini institusi Baitul Mal dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian.
	Khalifah Ali Bin Abi Talib	Meneruskan kutipan Jizyah yang dikenakan terhadap golongan zimmi.
SOSIAL (Kemudahan Takwim)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	<ul style="list-style-type: none"> • Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun Hijrah. • Memperkenalkan undang - undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat. • Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian.
KETENTERAAN (Bebas Tentera Maqdis)	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	<ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq. • Membuka Baitulmaqdis, Palestin dan Mesir.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Menubuhkan Angkatan tentera laut Islam yang pertama bagi tujuan keselamatan dan perluasan kuasa.
PENDIDIKAN (Mengumpul Sekolah Bacaan)	Khalifah Abu Bakar As-Siddiq	Mengumpul dan menulis semula naskah al-Quran susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan Yamamah.
	Khalifah Umar Bin Al-Khattab	Menubuhkan sekolah iaitu Al-Kuttab yang dikhususkan untuk kanak-kanak.
	Khalifah Uthman Bin Affan	Menyelaraskan bacaan (qiraat) dan penulisan mashaf al-Quran menggunakan Bahasa Quraisy dengan nama Mashaf Uthmani.

TINGKATAN 4 : KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB

1) Ceritakan riwayat hidup tokoh Al-Imam Abu Hanifah dan sumbangan beliau.

AL-IMAM ABU HANIFAH	
Nama Penuh	An-Nukman bin Thabit al-Kufi
Tarikh Lahir	80 Hijrah di Kufah
Tarikh Wafat	150 Hijrah
Kuniah	Abu Hanifah
Keperibadian	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sangat memuliakan ilmu pengetahuan 2) Kuat beribadat seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran. 3) Seorang yang pemurah dan penyayang 4) Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan.
Antara Guru Yang Tersohor	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hammad bin Abi Sulaiman ▪ Ata' Bin Yasar ▪ Amru Bin Dina
Tokoh-Tokoh Mazhab Hanafi	Kesungguhan Al-Imam Abu Hanifah Dalam Menuntut Ilmu
<ul style="list-style-type: none"> • Abu al-Hasan al-Karkhi • Alauddin al-Kasani • Ibnu Abidin • Muhammad al-Sarkhasi • Jamaluddin Al-Zaila'ie 	Mendalami ilmu Feqah kerana berpendapat ilmu Feqah memerlukan kemahiran dan pertimbangan akal yang mendalam dalam menguasai sesuatu hukum dengan baik

SUMBANGAN AL-IMAM ABU HANIFAH	
Hasil Karya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Al-Fara'id ▪ Al-Fiqhul Akbar ▪ Al-'Alim wal Muta'allim <p style="text-align: right; margin-right: 50px;">(FaFiAM)</p>
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	<ol style="list-style-type: none"> i. Pintu para sahabat (Aqwal as-Sohabah) ii. Qias iii. Istihsan iv. Ijmak v. Uruf
Murid Yang Terkenal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Abu Yusuf ▪ Muhammad al-Hasan As-Syaibani ▪ Zufar bin al-Huzai
Mazhab Hanafi Tersebar	Di seluruh Asia Tengah dan Eropah

1) Ceritakan riwayat hidup tokoh Al-Imam Malik dan sumbangan beliau.

AL-IMAM MALIK	
Nama Penuh	Malik bin Anas al-Madani
Tarikh Lahir	93 Hijrah di Madinah
Tarikh Wafat	179 Hijrah
Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian (KLU : CIH)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana. 2) Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip “murid mencari guru” 3) Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian. 4) Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu.
Antara Guru Yang Tersohor	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nafi al-Madani ▪ Muhammad Bin Syihab az-Zuhri ▪ Yahya Bin Sa'id al-Ansor
Tokoh-Tokoh Mazhab Maliki	Kesungguhan Al-Imam Malik Dalam Menuntut Ilmu
<ul style="list-style-type: none"> • Ibnu ar-Rusyd • Al-Imam al-Qurtubi • Ibnu Abdul Bar • Al-Syeikh al-Dusuki 	Sanggup berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu kerana berpegang pada prinsip iaitu “ Seseorang itu tidak akan sampai kepada apa-apa yang dihajati daripada ilmunya sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa-apa jua keadaan”.

SUMBANGAN AL-IMAM MALIK	
Hasil Karya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kitab al-Muwattok
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	<ol style="list-style-type: none"> i. Amalan penduduk Madinah ii. Qias iii. Masolihul Mursalin
Murid Yang Terkenal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Al-Imam as-Syafi'e ▪ Abdullah Bin Abdul Hakam ▪ Abdul Rahman bin Qasim
Mazhab Maliki Tersebar	<ul style="list-style-type: none"> • Mesir • Andalus • Tunisia • Afrika

3) Ceritakan riwayat hidup tokoh Al-Imam As-Syafi'e dan sumbangan beliau.

AL-IMAM AS-SYAFI'E	
Nama Penuh	Muhammad bin Idris as-Syafi'e
Tarikh Lahir	150 Hijrah di Ghazzah
Tarikh Wafat	204 Hijrah
Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian (KLU : BPK)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab Badwi demi menguasai Bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab. 2) Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu. 3) Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dengan Khalifah Harun ar-Rasyid. 4) Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana. 5) Tinggi sifat warak dan kuat beribadat.
Antara Guru Yang Tersohor	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Imam Malik Bin Anas ▪ Sufian Bin Uyainah ▪ Muslim Khalid al-Zanji
Tokoh-Tokoh Mazhab Syafie	Kesungguhan Al-Imam As-Syafi'e Dalam Menuntut Ilmu
<ul style="list-style-type: none"> • Abu Ma'ali al-Juwaini • Abu Hamid al-Ghazali • Abu Ishaq al-Syairazi • Yahya bin Syarf an-Nawawi • Ibnu Hajar Al-Haisami 	Sanggup bermusafir jauh, berguru dengan ramai tokoh ilmuwan yang terkemuka sehingga ke Madinah, Baghdad dan Mesir dalam masa yang lama semata-mata kerana kecintaan terhadap ilmu.

SUMBANGAN AL-IMAM AS-SYAFIE	
Hasil Karya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ar-Risalah ▪ Al-Umm ▪ Al-Musnad <p style="text-align: center;">(RUMus)</p>
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	<ol style="list-style-type: none"> i. Ijmak ii. Qias iii. Istidlal
Murid Yang Terkenal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ahmad bin Hanbal ▪ Abu Yakkub Yusuf bin Yahya al-Buwaiti ▪ Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni
Mazhab Syafie Tersebar	<p>* Mesir * Iraq * Parsi * Syiria * Malaysia * China</p> <p>* Indonesia * Brunei</p>

4) Ceritakan riwayat hidup tokoh Al-Imam Ahmad Bin Hanbal dan sumbangan beliau.

AL-IMAM AHMAD BIN HANBAL	
Nama Penuh	Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
Tarikh Lahir	164 Hijrah di Baghdad
Tarikh Wafat	241 Hijrah
Kuniah	Abu Abdullah
Keperibadian (KLU : BIP)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sentiasa menuntut ilmu walaupun telah mendapat gelaran Imam yang masyhur 2) Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi. 3) Banyak membaca dan menghafaz Al-Quran sejak berusia sembilan tahun 4) Kuat beribadat nawafil 5) Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan akidah.
Antara Guru Yang Tersohor	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Al-Imam as-Syafie ▪ Abu Yusuf al-Qadhi ▪ Hammad bin Khalid
Tokoh-Tokoh Mazhab Hanbali	Kesungguhan Al-Imam Ahmad Dalam Menuntut Ilmu
<ul style="list-style-type: none"> • Ibnu Qudamah al-Maqdisi • Abdul Halim Ibnu Taimiyyah • Ibnu Qayyim al-Jawziyyah • Al-Qadhi Abu Ya'la al-Farra' • Abu Bakar Ghulam al-Hilal 	Beliau sanggup dipukul. dan diseksa dalam penjara semasa pemerintahan Khalifah Al-Makmun kerana bertegas dan berpegang teguh mempertahankan pendiriannya tentang "Al-Quran Bukan Makhluk"

SUMBANGAN AL-IMAM AHMAD	
Hasil Karya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Al-Musnad ▪ At-Tarikh ▪ Al-'Illah <p style="text-align: center;">(MusTI)</p>
Mengasaskan Mazhab Berdasarkan	<ol style="list-style-type: none"> i. Fatwa Sahabat ii. Qias iii. Istishab
Murid Yang Terkenal	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Al-Imam Hasan bin Musa ▪ Al-Imam Hanbal bin Ishak ▪ Al-Walid bin Muslim
Mazhab Hanbali Tersebar	<ul style="list-style-type: none"> • Baghdad • Mesir • Najad

5) Terangkan iktibar daripada keunggulan tokoh.

- Kita hendaklah mengamalkan **ilmu** yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah SWT
- Kita hendaklah menghormati **perbezaan** pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni.
- Kita hendaklah menyebarkan **ilmu** dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.

TINGKATAN 5 : KERAJAAN UTHMANIAH

1) Ceritakan sejarah Kerajaan Uthmaniah.

Sejarah Kerajaan Uthmaniah	
Asal Nama Kerajaan	Bersempena nama Uthman Bin Ertughrul, iaitu pengasas Kerajaan Uthmaniah
Tempoh Memerintah	1299 – 1924 Masihi
Kawasan Pemerintahan	Meliputi sebahagian besar Benua Asia, Eropah dan Afrika.
Bilangan Pemerintah	37 Orang
Antara Pemerintah Yang Terkenal	1) Sultan Uthman Bin Ertughrul 2) Sultan Murad 1 3) Sultan Muhammad Al-Fateh 4) Sultan Sulaiman Al-Qanuni
Pemerintah Pertama	Sultan Uthman Bin Ertughrul
Pemerintah Terakhir	Sultan Abdul Majid II
Pusat Pemerintahan	➤ Sogut : (1299 – 1335) Masihi ➤ Bursa : (1335 – 1363) Masihi ➤ Edirne : (1363 – 1453) Masihi ➤ Istanbul : (1453 – 1924) Masihi

KLU : 37 UA


2) Senaraikan tiga buah kerajaan Islam yang lain selepas Kerajaan Abbasiyah.

- Kerajaan Fatimiah (909 – 1171) Masihi
- Kerajaan Ayubiah (1174 – 1250) Masihi
- Kerajaan Mamlukiah (1250 – 1517) Masihi


3) Senaraikan empat masjid utama zaman Kerajaan Uthmaniah.




Masjid Aya Sofia
di Bandar Istanbul



Masjid Edirne
di Bandar Edirne



Masjid Ulu Jami'
di Bandar Bursa



Masjid Sogut
di Bandar Sogut.

4) Ceritakan ketokohan sultan yang terkenal pada zaman Kerajaan Uthmaniah.

TOKOH	BIODATA TOKOH		
 Uthman bin Ertughrul (KLU : MAK)	Nama Penuh	Uthman bin Ertughrul	
	Tarikh Lahir	656 H / 1258 M	
	Tarikh Mangkat	726 H / 1326 M	
	Tempoh Memerintah	27 Tahun	KLU : 27 Pertama
	Jawatan	Pemerintah Pertama Kerajaan Uthmaniah	
	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatukan wilayah Anatolia Selatan selepas ditinggalkan oleh Byzantine • Mengisytiharkan kemerdekaan Anatolia daripada Kerajaan Saljuk • Mengasaskan Kerajaan Uthmaniah 	
 Murad I bin Urkhan (KLU : JET)	Nama Penuh	Murad I bin Urkhan	
	Tarikh Lahir	726 H / 1325 M	
	Tarikh Mangkat	791 H / 1388 M	
	Tempoh Memerintah	30 Tahun	KLU : 30 Ketiga
	Jawatan	Pemerintah Ketiga Kerajaan Uthmaniah	
	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk pasukan Janissary • Memodenkan angkatan tentera laut • Menjadikan Edirne sebagai ibu kota 	

TOKOH	BIODATA TOKOH		
 Muhammad Al-Fateh bin Murad II (KLU : KEA)	Nama Penuh	Muhammad Al-Fateh bin Murad II	
	Tarikh Lahir	833 H / 1429 M	
	Tarikh Mangkat	886 H / 1481 M	
	Tempoh Memerintah	31 Tahun	KLU : 31 Ketujuh
	Jawatan	Pemerintah Ketujuh Kerajaan Uthmaniah	
	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Kota Kostantiniah (Constantinople) pada tahun 857 H • Menyatukan empayar di utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary • Mewakafkan Aya Sofia sebagai masjid dan membina Kompleks Al-Fateh. 	
 Sulaiman Al-Qanuni bin Salim I (KLU : BAUH)	Nama Penuh	Sulaiman Al-Qanuni bin Salim I	
	Tarikh Lahir	900 H / 1494 M	
	Tarikh Mangkat	974 H / 1566 M	
	Tempoh Memerintah	48 Tahun	KLU : 48 Kesepuluh
	Jawatan	Pemerintah Kesepuluh Kerajaan Uthmaniah	
	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka Belgrade • Membuka Algeria dan Tunisia • Menyusun undang-undang yang dikenali sebagai "Kanunname" • Mengadakan hubungan diplomatik dengan Perancis yang merupakan sebuah kuasa besar 	

5) Jelaskan faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah.

Pentadbiran KLU = (Pemerintah Berperanan Menyelaraskan)	<ul style="list-style-type: none">• Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.• Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.• Penguasaan laluan di antara Benua Eropah dengan Benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus
Keilmuan KLU = (Membina Masjid)	<ul style="list-style-type: none">• Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni bina dan teknikal.• Menaiktaraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merencanakan aktiviti keagamaan.
Sosial KLU = (Suasana Kebajikan)	<ul style="list-style-type: none">• Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.• Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.• Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan.
Ketenteraan KLU = (Jihad Kebajikan)	<ul style="list-style-type: none">• Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera demi mempertahankan agama dan negara.• Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaras sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata.


6) Jelaskan faktor kemerosotan Kerajaan Uthmaniah.

- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang negara yang tinggi.
- Gerakan menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.
- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan.

7) Terangkan iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniah.

- Kita hendaklah menolak campur tangan asing untuk menjaga kedaulatan negara.
- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam supaya hidup diberkati Allah SWT.
- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.

TINGKATAN 5 : KEUNGGULAN TOKOH ISLAM

TOKOH	BIODATA TOKOH	
 Ahmad Bin Ibrahim	Nama Penuh	Ahmad Bin Mohamed Ibrahim
	Tarikh Lahir	15 Mei 1916
	Tarikh Meninggal Dunia	17 April 1999
	Gelaran	Profesor Emeritus Tan Sri Dr.
	Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Pensyarah kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah
	Ketinggian Akhlak	<ul style="list-style-type: none"> Suka sebarkan ilmu (SEJEK) Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan
Tahap Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Victoria Bridge School, Singapura Reffles Institution, Singapura Raffles College, Singapura University of Cambridge 	

SUMBANGAN AHMAD BIN IBRAHIM

1) Hasil karya :

- Buku-buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia seperti **Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia Dan Family Law in Malaysia (UKIM / FLIM)**
- Pelopor jurnal hukum (PJH)**
- Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan Undang-undang Malaysia
 - i) **Sistem Undang-undang Malaysia (SUM)**
 - ii) **Islamic Law in Malaysia (ILIM)**

(HakimMaRaS PaPeKU)

2) Kehakiman :

- Antaranya **Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah**

3) Perundangan

- i) Anggota **panel pengasas kuliah undang-undang** di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- ii) Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991

3) Terangkan iktibar daripada keunggulan tokoh.

- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.
- Kita hendaklah bersifat cecal menyebarkan dakwah Islamiah agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.
- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

NOTA PECUTAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2022

Disediakan Oleh :
USTAZ MOHD FADHLI BIN CHE KAMARUDIN
SMK PAHI, KELANTAN.

AKHLAK ISLAMIAH

TINGKATAN 4 : ADAB TERHADAP ORANG SAKIT

1) Jelaskan adab menyantuni orang sakit.

ADAB TERHADAP ORANG SAKIT		
IBADAT	EMOSI	FIZIKAL
<ul style="list-style-type: none">Mendoakan kesihatan merekaMembantu mereka yang ingin melakukan ibadat <p>(I - BD)</p>	<ul style="list-style-type: none">Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan redha.Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama <p>(E - SK)</p>	<ul style="list-style-type: none">Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. <p>(F - KB)</p>

2) Terangkan hikmah beradab kepada orang sakit.

- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT
- Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah SWT
- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit.

TINGKATAN 4 : ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

1) Nyatakan maksud Orang Kurang Upaya.

- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya.

2) Jelaskan adab terhadap orang kurang upaya.

Adab Terhadap Orang Kurang Upaya	
IBADAT (I - KT)	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa.• Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadat.
EMOSI (E - MeL)	<ul style="list-style-type: none">• Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka.• Tidak mengejek dan menghina mereka
FIZIKAL (F - AR)	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan.• Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka.

4) Terangkan hikmah beradab terhadap orang kurang upaya

- Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna.
- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan.
- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan.

TINGKATAN 4 : WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

1) Nyatakan maksud Wasatiah.

Maksud Wasatiah	Pendekatan yang sederhana seimbang adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
------------------------	--

PRINSIP WASATIAH :

Sederhana = Saya

Seimbang = Suka

Adil = Air

Cemerlang = Coke

2) Jelaskan empat prinsip wasatiah.

1	KESEDERHANAAN
J A R	<p>Maksud Kesederhanaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.
	<p>Aspek Kesederhanaan :</p> <ol style="list-style-type: none"> Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab. Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas, mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah. Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi.
	<p>Ummatan Wasatan menggabungkan unsur jasad dan rohani tanpa mengabaikan mana-mana aspek.</p> <p>Ciri-ciri ummatan wasatan :</p> <ol style="list-style-type: none"> Umat yang terpilih dan adil. Umat terbaik dan pertengahan dalam semua perkara & tidak melampaui batas serta tidak lalai. Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani. Tidak mementingkan material semata-mata seperti Yahudi dan Musyrik.

2	KESEIMBANGAN						
J A R	<p>Maksud Keseimbangan :</p> <ul style="list-style-type: none"> Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan. 						
	<p>Aspek Keseimbangan :</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 30%;">i) Rohani</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh Melakukan ibadat dengan ikhlas. </td> </tr> <tr> <td>ii) Jasmani</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga. Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia </td> </tr> <tr> <td>iii) Aqli</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak. Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu. Menggunakan akal untuk memajukan diri dan masyarakat serta meningkatkan pembangunan negara. </td> </tr> </table>	i) Rohani	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh Melakukan ibadat dengan ikhlas. 	ii) Jasmani	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga. Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia 	iii) Aqli	<ul style="list-style-type: none"> Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak. Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu. Menggunakan akal untuk memajukan diri dan masyarakat serta meningkatkan pembangunan negara.
	i) Rohani	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh Melakukan ibadat dengan ikhlas. 					
	ii) Jasmani	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga. Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia 					
iii) Aqli	<ul style="list-style-type: none"> Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak. Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu. Menggunakan akal untuk memajukan diri dan masyarakat serta meningkatkan pembangunan negara. 						

3	KEADILAN
	<p>Maksud Keadilan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat. <p>Aspek Keadilan :</p> <ol style="list-style-type: none"> Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerima. Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem.

4	KECEMERLANGAN
	<p>Maksud Kecemerlangan :</p> <p>Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT</p>
	<p>Aspek Kecemerlangan :</p> <ol style="list-style-type: none"> Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan. Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman. Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT.

3) Terangkan hikmah melaksanakan prinsip wasatiah.

- **Tahap pendidikan** masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara.
- **Ekonomi masyarakat** yang stabil dapat dijana kerana tiada berlaku pembaziran.
- **Syar Islam** dapat ditegakkan dengan menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni
- Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan dengan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan.

T = Tahap pendidikan
E = Ekonomi masyarakat
S = Syiar Islam

Tiga orang lelaki telah ditegur oleh SAW kerana melakukan perkara yang melampaui batas iaitu:

- 1) Berpuasa sehingga tidak membuka.**
- 2) Mendirikan solat malam sehingga tidak tidur.**
- 3) Tidak mahu bernikah.**

4) Jelaskan dua cara anda mengamalkan wasatiah dalam kehidupan.

- Melaksanakan ibadat fardu dan sunat dengan istiqamah
- Menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab.
- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT

TINGKATAN 5 : TAWADUK MENZAHIRKAN KESUCIAN JIWA

1) Apakah maksud Tawaduk?

- Sikap **kerendahan hati** kepada Allah SWT dan sesama manusia

2) Jelaskan contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Contoh 1 : Tawaduk dalam pergaulan

- Rasulullah SAW bergaul dengan kanak-kanak walaupun mempunyai kedudukan yang mulia, Baginda tidak sombong dengan kedudukannya.
- Baginda menghormati dan menyayangi kanak-kanak. Baginda sentiasa bersikap lemah lembut dan menunjukkan kasih terhadap mereka.
- Rasulullah SAW selalu menyantuni kanak-kanak dengan mendahulukan ucapan salam ketika bertemu dan membelai rambut mereka dengan perasaan kasih sayang.

Contoh 2 : Tawaduk dalam kehidupan rumahtangga

- Rasulullah SAW bersama-sama membantu isteri melayani keluarga dan menguruskan rumahtangga.
- Rasulullah SAW menampal selipar, menjahit pakaian dan melaksanakan tanggungjawab dalam rumahtangga sepertimana yang dilakukan oleh orang lain.

Contoh 3 : Tawaduk ketika makan dan minum

- Rasulullah SAW tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk Baginda.

3) Terangkan hikmah bersikap tawaduk.

- Dikasihi masyarakat kerana tidak bersikap sombong
- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT kerana sentiasa bersyukur
- Membentuk insan yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah

4) Senaraikan 4 tingkahlaku murid yang bersifat tawaduk dalam menuntut ilmu.

- Tidak meninggikan suara dengan guru dan rakan
- Tidak membelakangi guru
- Membantu guru apabila memerlukan pertolongan
- Mengucapkan terima kasih apabila habis belajar
- Tidak merasa dirinya lebih tahu/hebat dari guru

5) Jelaskan dua cara anda mengamalkan sifat tawaduk dalam kehidupan seharian.

- Menjauhi perbuatan membazir dan boros
- Merendahkan suara dengan guru dan rakan
- Berkongsi ilmu dengan rakan lain dan tidak bersikap sombong

7) **Jelaskan dua kesan mengabaikan sifat tawaduk dalam kehidupan seharian.**

- Dibenci oleh orang lain.
- Hidup tidak diberkati Allah
- Hidup/Jiwa menjadi tidak tenang
- Sukar mendapat pertolongan orang lain

TINGKATAN 5 : ALAM SEKITAR PENENANG MINDA

1) **Apakah maksud Alam Sekitar?**

- Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia

Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada **21 hingga 27 Oktober** setiap tahun selama seminggu bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Eko-Pelancongan : Pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semulajadi.

 **SPEKTRUM ILMU**

2) **Jelaskan adab-adab menjaga alam sekitar.**

- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.
- Sentiasa menjaga kelestarian alam seperti menjaga kebersihan sungai
- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam seperti amalan kitar semula
- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau.

4) **Nyatakan dua punca/sebab/faktor pencemaran alam sekitar.**

- Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak
- Sikap untuk mengaut keuntungan dengan cepat
- Tiada penguatkuasaan daripada pihak berkuasa

5) **Jelaskan dua kesan kerosakan alam sekitar.**

- Kesihatan diri manusia akan terjejas
- Sumber makanan manusia akan musnah
- Mudah berlaku bencana alam seperti hakisan dan banjir

6) **Terangkan hikmah mengamalkan adab menjaga alam sekitar.**


- Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan.
- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa kerana melihat keindahan alam.
- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar.

7) Jelaskan empat amalan hijau yang boleh anda dilakukan dalam menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar.

- Sentiasa menjaga kebersihan sungai
- Mengurangkan penggunaan beg plastik
- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.
- Berkongsi kenderaan bagi mengurangkan pembebasan gas tercemar
- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam seperti amalan kitar semula

KAMUS ISTILAH

BAHAGIAN AL-QURAN



BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Beramal Soleh	Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al-Quran dan Sunnah dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
2	Beriman Kepada Allah	Orang yang sentiasa meyakini bahawa hanya Allah SWT yang berhak disembah dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan laranganNya.
3	Dakwah	Menyeru supaya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan larangannya.
4	Fawatih As-Suwar	Potongan ayat yang terdapat pada pembukaan surah.
5	Fiqh al-Aulawiyyat	Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.
6	Ha' Dhamir	Ganti nama dalam Bahasa Arab yang bermaksud "Nya
7	Hamzah Wasal (همزة وصل)	Huruf hamzah tambahan yang dilafazkan ketika dibaca pada permulaan ayat. Huruf ini tidak dilafazkan jika dibaca secara bersambung dengan perkataan sebelumnya.
8	Hubungan Seks Luar Tabi'i	Melakukan persetubuhan haram dengan cara yang bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia.
9	Huruf Isti'la' (استعلاء)	Huruf yang bacaannya ditebalkan iaitu huruf : (خ / ص / ض / ط / ظ / غ / ق)
10	Ibtida'	Memulakan bacaan al-Quran selepas wakaf
11	Ibtida' Hasan	Memulakan bacaan pada kalimah yang dapat difahami maknanya serta tidak bersalahan dengan maksud yang dikehendaki Allah
12	Ibtida' Qabih	Memulakan bacaan pada kalimah yang tidak menyampaikan maksud yang sebenar atau boleh mengubah makna yang dikehendaki Allah
13	Idgham	Dimasukkan bunyi huruf pertama kepada huruf yang kedua.
14	Imalah (إمالة)	Bunyi pertengahan antara bunyi fathah dengan bunyi kasrah.

15	Kasrah 'Aaridhah (mendatang) (كسرة عارضة)	Baris bawah yang menggantikan baris sukun yang pertama, yang digugurkan kerana pertemuan dua baris sukun.
16	Kasrah Asli (كسرة أصلي)	Baris kasrah yang asal
17	Khusyuk Dalam Solat	Menumpukan sepenuh hati dan penghayatan dengan cara menetapkan anggota, memahami bacaan dan perbuatan ketika solat.
18	Liwat	Hubungan jenis antara lelaki dengan lelaki.
19	Mad Lazim	Huruf Mad bertemu dengan huruf yang bertanda sukun 'mati' ketika bacaan secara wasal atau waqaf
20	Mad Silah	Mad yang terdapat selepas huruf Ha' Dhamir (هـ) yang berbaris kasrah 'bawah', atau berbaris dhammah 'depan
21	Memelihara Solat	Menunaikan solat pada waktunya dengan menyempurnakan segala syarat dan rukunnya.

BIL	ISTILAH	MAKSUD
22	Menjaga Amanah Dan Janji	Menjaga tanggungjawab dalam setiap urusan. Contohnya dalam urusan pekerjaan, harta benda dan kerahsiaan.
23	Menjaga Kehormatan Diri	Menjaga dan mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak seperti zina, sumbang mahram dan hubungan seks luar tabi'i.
24	Menjauhi Perbuatan Dan Perkataan Yang Sia-Sia	Menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak mendatangkan faedah atau perkara yang merosakkan akhlak.
25	Menunaikan Zakat	Mengeluarkan sebahagian harta tertentu untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.
26	Musahaqah	Hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan.
27	Perkara Cabang (Furu')	Perincian kepada pelaksanaan perkara pokok seperti hukum pelaksanaan solat berjemaah
28	Perkara Pokok (Usul)	Perkara asas dalam Islam seperti keimanan kepada Allah
29	Qalqalah	Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf Qalqalah.
30	Rasuah	Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan.
31	Riak	Melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia
32	Sumbang Mahram	Melakukan persetubuhan haram antara lelaki dengan perempuan yang diharamkan berkahwin kerana keturunan, penyusuan dan persemendaan
33	Sunnatullah	Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.
34	Syirik Jali (Nyata)	Menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan amal perbuatan
35	Syirik Khafi (Tersembunyi)	Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah SWT

36	Takabbur	Sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan
37	'Ujub	Berasa hebat dengan amalan sendiri
38	Wakaf (Tajwid)	Memberhentikan bacaan di akhir kalimah untuk bernafas dengan tujuan menyambung bacaan semula.
39	Wakaf Hasan	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut lafaz dan makna.
40	Wakaf Kafi	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut makna, bukan lafaz.
41	Wakaf Qabih	Wakaf pada ayat yang mengubah makna sebenar atau yang tidak sempurna makna, kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari sudut lafaz dan makna.
42	Wakaf Tam	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, dan tidak mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut lafaz dan makna
43	Zina	Melakukan persetubuhan haram tanpa nikah yang sah antara lelaki dengan perempuan

BAHAGIAN HADIS

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Al-Mubiqat (الْمُوبِقَاتُ)	Ialah al-Muhlikat (الْمُهِلِكَاتُ), iaitu : Perkara yang membinasakan atau merosakkan.
2	Berdikari	Berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.
3	Lari Dari Medan Perang	Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh.
4	Makan Harta Anak Yatim	Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak
5	Makan Riba	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang.
6	Membunuh	Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang.
7	Qazaf	Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa membawa saksi.
8	Sihir	Perbuatan yang memudharatkan orang lain dengan bantuan Jin.
9	Pemimpin yang adil	Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya berpandukan al-Quran dan Hadis
10	Pemuda yang hidupnya taat beribadat kepada Allah SWT	Pemuda yang memenuhi masa dengan melakukan ibadat kepada Allah SWT sama ada ibadat wajib atau sunat

11	Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid	Seseorang yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan
12	Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT	Dua orang yang bersahabat berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
13	Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT	Seseorang yang membenci dan menjauhi semua perbuatan yang melanggar suruhan Allah SWT atau meninggalkan laranganNya sama ada dalam bentuk lisan, perbuatan atau hati.
14	Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya	Sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata tanpa mengharapkan pujian manusia.
15	Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitikkan air mata	Seseorang yang mengingati Allah SWT sama ada melalui hati atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepadaNya.

BAHAGIAN AKIDAH

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Ajaran Sesat	Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya yang bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.
2	Al-Muntaqim	Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.
3	Ar-Raqib	Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk.
4	As-Syahid	Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadaNya.
5	At-Taqiyyah (التقية)	Menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.
6	Khawarij	Kumpulan pengikut Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.
7	Liberalisme Agama	Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama.
8	Muktazilah	Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil Bin 'Ata' (واصل بن عطاء) setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar.

9	Pluralisme Agama	Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan
10	Syiah	Kumpulan yang menuntut supaya Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a. dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa hanya Ahlu al-Bait sahaja yang lebih baik memegang jawatan khalifah

BAHAGIAN FEKAH

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Akad Dalam Muamalat Islam.	Bahasa : Ikatan, Simpulan Istilah : Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan.
2	Akad Nikah (Sighah)	Ijab : Lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya Kabul : Lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya
3	Akikah	Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) yang disembelih sempena kelahiran bayi.
4	Al-Batil (Muamalat)	Mana-mana transaksi yang menyalahi syarak.
5	Anak Angkat	Anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak.
6	'Asabah	Waris yang menerima baki harta pusaka selepas dibahagikan kepada Ashab Al-Furud
7	Ashab Al-Furud	Waris yang menerima harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak
8	Bercukur Atau Bergunting	Bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut dan sunat bercukur rambut bagi lelaki.
9	Bermalam (Mabit) Di Muzdalifah	Berada di Muzdalifah selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga sebelum terbit fajar.
10	Bermalam (Mabit) Di Mina	Berada di Mina pada malam-malam hari Tasyrik (11 hingga 13 Zulhijjah).
11	Berniat Ihram Di Miqat	Berniat Ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat Ihram Haji atau Umrah.
12	Dharar	Setiap perkara yang membawa kerosakan.
13	Diat (Pampasan)	Jumlah bayaran berdasarkan persetujuan bersama atau ditetapkan oleh mahkamah.
14	Faraid	Pembahagian harta seseorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syarak.
15	Fasakh	Pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu.
16	Gharar	Kesamaran dalam urusan muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak.

17	Hadhanah	Penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan diri sendiri.
18	Haji	Bahasa: Tujuan dan Maksud Istilah : Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.
19	Hayat Mustaqirrah	Haiwan yang mampu bergerak dengan bertenaga antara tandanya termasuklah binatang tersebut meronta-ronta dengan kuat setelah disembelih.
20	Hibah	Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup
21	'Idah	Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami.
22	Isteri	Perempuan yang dikahwini oleh seseorang lelaki.
23	Jenayah	Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan hukumannya dalam al-Quran, as-Sunnah dan sebahagiannya daripada mahkamah.
24	Jual Beli	Suatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli.
25	Judi	Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga.
26	Kafalah	Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi.
27	Khuluk	Pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami.
28	Korban	Menyembelih binatang ternakan (al-An'am) pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT
29	Kufu	Persamaan taraf lelaki dan perempuan daripada pelbagai aspek
30	Li'an	Lafaz sumpah suami apabila menuduh isterinya berzina tanpa ada empat orang saksi atau menafikan nasab.
31	Mahar	Pemberian yang bernilai atau berfaedah wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.
32	Meminang	Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat.
33	Mencuri	Mengambil harta orang lain secara tersembunyi (tanpa kerelaannya) dengan tujuan memilikinya.
34	Merisik	Proses sebelum meminang untuk mengenalpasti status bakal isteri
35	Merompak	Melakukan serangan dengan menggunakan kekerasan untuk merampas harta, membunuh atau menakutkan orang awam secara terbuka.
36	Minum Arak	Meminum sebarang bahan yang memabukkan sama ada dinamakan arak atau tidak, banyak atau sedikit.
37	Miqat Makani	Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat Ihram
38	Miqat Zamani	Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat Ihram Haji, bermula dari 1 Syawal dan berakhir apabila masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

39	Mudharabah	Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungan dibahagikan antara mereka.
40	Musyarakah	Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih
41	Nusyuz	Keengganan isteri mentaati perintah atau permintaan suami yang sah.
42	Perkahwinan	Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.
43	Poligami	Amalan beristeri lebih daripada seorang pada satu masa.
44	Qard	Memberikan hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan (faedah) dan perlu membayar kembali dengan jumlah yang sama.
45	Qisas	Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama seperti dalam al-Quran dan as-Sunnah.
46	Rahn	Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang.
47	Riba	Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang.
48	Rujuk	Hak suami untuk menyambung kembali ikatan perkahwinan dengan isterinya yang diceraikan dalam tempoh 'idah.
49	Sai'e	Berjalan ulang alik sebanyak 7 kali bermula di bukit Safa dan berakhir di bukit Marwah menurut syarat-syarat tertentu.
50	Saksi	Orang yang menyaksikan dan boleh mengesahkan akad nikah
51	Sembelihan	Bahasa : Memotong Istilah : Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat marik.
52	Sewaan	Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu.
53	Solat Sunat Dhuha	Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk hingga sebelum gelincir matahari.
54	Solat Sunat Gerhana	Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara-cara yang tertentu.
55	Solat Sunat Istikharah	Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara.
56	Solat Sunat Tasbih	Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbih sebanyak 300 kali pada keseluruhan solat.
57	Suami	Lelaki yang dikahwini oleh seseorang perempuan
58	Tahallul	Membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram
59	Takzir	Hukuman keseksaan yang tidak ditetapkan jenis dan bentuk dalam al-Quran dan as-Sunnah, sebaliknya diputuskan oleh mahkamah.
60	Talak	Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan
61	Talak Bain	Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu.

62	Talak Raj'ie	Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu.
63	Tawaf Di Ka'abah	Mengelilingi Ka'abah 7 pusingan bermula di penjuru Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syarat tertentu
64	Tergadai (Al-Murtahin) <i>Dalam Hadis Bab Akikah</i>	Anak tersebut tidak dapat memberi syafaat kepada kedua-dua ibu dan bapanya, pada hari kiamat nanti, jika ibu bapanya tidak melakukan akikah untuk anak tersebut.
65	Tertib	Melakukan perbuatan mengikut urutan
66	Umrah	Bahasa : Ziarah Istilah : Mengunjungi Baitullah Al-Haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.
67	Wadi'ah	Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya.
68	Wakaf (Fekah)	Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya (ainnya), untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredhaan Allah SWT.
69	Wakalah	Mewakilkkan pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain.
70	Wali	Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan.
71	Walimatul 'Urus	Kenduri yang diadakan sempena perkahwinan
72	Wasiat	Ikrar yang dibuat oleh seseorang semasa hidupnya, untuk mengagihkan harta selepas kematiannya menurut hukum syarak
73	Wuquf Di Arafah	Berada di Arafah walaupun seketika bermula dari masuk waktu Zuhur 9 Zulhijjah hingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah.

BAHAGIAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Baitul Hikmah	Perpustakaan terulung yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing seperti Bahasa Yunani, Parsi, Cina dan India ke dalam Bahasa Arab.
2	Mawali	Orang bukan Arab yang memeluk agama Islam dan memiliki keistimewaan yang sama dengan orang Arab Muslim tetapi dikehendaki membayar cukai tambahan.

BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIAH

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1	Alam Sekitar	Segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia
2	Bersikap Benar	Tidak berdusta dari segi perkataan, perkhabaran dan perbuatan.
3	Eko-Pelancongan	Pelancongan yang berasaskan sumber dan pemeliharaan alam semulajadi.
4	Fastaqim	Keteguhan memelihara iman dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan laranganNya.
5	Istiqamah	Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi laranganNya.
6	Keadilan	Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan tempat.
7	Kecemerlangan	Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT
8	Kesederhanaan	Melakukan sesuatu dengan sempurna, tidak melampaui batas dan mematuhi syarat.
9	Keseimbangan	Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan.
10	Khauf	Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala laranganNya
11	Mazmumah	Sifat dan tingkah laku keji yang berlawanan dengan syarak.
12	Orang Kurang Upaya	Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya.
13	Raja'	Mengharapkan keredhaan Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya
14	Riak	Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain
15	Tawaduk	Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan Tindak manusia
16	Ummatan Wasatan	menggabungkan unsur jasad dan rohani tanpa mengabaikan mana-mana aspek.
17	Wasatiah	Pendekatan yang sederhana seimbang adil dan cemerlang dalam setiap Tindakan.

**SEMOGA SEMUA ANAK DIDIK USTAZ / USTAZAH
LULUS DENGAN CEMERLANG DAN MENDAPAT A+**

